

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"ORIENTASI kita dalam melakar pembangunan adalah bercorak global. Kerana kita tidak hanya melihat kepada liku-liku kehidupan dalaman, bahkan perlu turut mengambil iktibar dari peristiwa dan kejadian di dunia tanpa sempadan."

- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 23 Februari 2012.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Mahmud bin Labid, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesiapa yang membina masjid kerana Allah nescaya Allah akan membina baginya di dalam syurga (binaan) seumpamanya."
- (Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

TAHUN 60 / BILANGAN 57

13 MEI 2015 / 1436 رجب 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM menerima mengadap



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hoong Wee Teck.

Tuan Yang Terutama Hoong Wee Teck berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala dan Interforces Games Kali Ke-10 di antara Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Republik Singapura.

Hadir di majlis mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam dan Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa, Pasukan Polis Republik Singapura, DAC Cheong Chee Meng.

Turut hadir di majlis mengadap ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Majlis mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hoong Wee Teck.

Kedudukan tulisan Jawi tetap kukuh

Oleh : Haniza Abdul Latif



Muka 8

PERKHIDMATAN
kepakaran Hospital RIPAS
semakin bertambah



Muka 13

BINTUDOH Greenspring
Resort berpotensi
dikembangmajukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei. - Kedudukan tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam tetap kukuh dan tetap berada di kedudukan yang tinggi sehingga ke hari ini.

Malah dokumen Permaisuri Permaisuri Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dimaktubkan dalam versi bahasa Melayu dalam dua bentuk tulisan, iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng yang juga selaku Pengerusi Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) pada Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat Nasakh yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Ke muka 3

Pembangunan infrastruktur pemangkin pertumbuhan ekonomi

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei. - Pembinaan infrastruktur di negara ini membuktikan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited ke arah pembangunan infrastruktur sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi.

Sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah banyak melaksanakan projek-projek yang memberi impak yang besar dalam menaik taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini seperti pembekalan air yang bersih, sistem saliran dan pembentungan, Skim Rancangan Perumahan Negara dan sebagainya.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan demikian pada Majlis Anugerah Perkhidmatan 30 Tahun bagi Pegawai dan Kakitangan di Jabatan-Jabatan di bawah JKR bagi tahun 2014 berlangsung di Hotel Orchid Garden, Berakas.

Ke muka 24

AIN@KUPU SB pemangkin maklumat ilmu Pendidikan Islam

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur alhamdulillah, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana dengan izinNya juga, Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPU SB) buat julung-julung kalinya telah dapat diumumkan pada tahun ini.

Saya terlebih dahulu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada KUPU SB kerana memberi penghormatan kepada saya untuk menjadi tetamu kehormat di majlis ini. Saya dengan hati yang tulus ikhlas ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penganjur atas inisiatif mewujudkan Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPU SB).

Saya sukacita menarik perhatian kita semua untuk mengamat-amati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Republik Arab Mesir pada 5 Februari 2013.

Baginda menekankan dalam titahnya bahawa :

"Sebagaimana kita sama-sama maklum, hari ini adalah era internet. Ramai orang terlalu asyik kepadanya, lebih dari kepada yang lain-lain, tidak terkecuali juga para pelajar sendiri, mereka itu mungkin saja, ada yang sangat berminat kepada internet lebih daripada membaca buku atau kitab.

Jika ini berlaku, dikhawatirkan pula akan ada orang yang menukar pengajian: dari pengajian di kuliah kepada pengajian di internet.

Pada hemat beta, perkara seperti ini janganlah berlaku. Kerana dapatan daripada internet itu tidak semua yang sahih, tetapi banyak kontroversinya.

Bagi para pelajar, khasnya pelajar agama, mereka perlu berhati-hati dalam melayari internet. Pada ketika ini sering muncul 'ulama-ulama internet'. Di antara mereka itu ada yang membawa fahaman-fahaman baru, seperti menolak tahlil dan menganggap menyambut Maulidur Rasul sebagai bid'ah yang buruk, dan lain-lain lagi.

Para pelajar kita, janganlah terjerat oleh fahaman-fahaman seperti ini. Brunei Darussalam tidak selesa dengannya. Adapun kita sekarang, sudah cukup bagus lagi mantap, tidak perlu dikeruhkan oleh pelbagai pegangan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada 13 Rejab 1436 Hijrah bersamaan 2 Mei 2015 Masihi di Dewan KUPU SB.

baru atau idea-idea yang tidak menentu.

Kepada para pelajar, beta suka menasihatkan supaya memilih ulama mu'tabar, bukannya ulama internet. Ada perbezaan di antara ulama mu'tabar dan ulama internet. Ulama mu'tabar adalah mereka yang bergantung atau bersandar kepada Al-Qur'an, As-Sunnah dan ijma', sementara ulama internet pula, suka bergantung kepada pendapat-pendapat sendiri.

Namun bukanlah salah atau dilarang melayari internet, tetapi perlu dengan sikap berhati-hati, dalam makna janganlah ditelan bulat-bulat apa saja yang dihidang, melainkan diperhalus dan diteliti terlebih dahulu dengan mendalam.

Bersikaplah lebih matang dan lebih berwawasan, bukannya sebagai Pak Turut yang merugikan diri sendiri."

Demikianlah titah nasihat baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antaranya mengingatkan supaya kita jangan terlalu asyik dengan internet. Peranan ilmu-ilmu Islam yang tulen melalui kitab-kitab yang mu'tabar dan peranan ulama-ulama Islam yang soleh di mana jua mereka berada adalah penting dalam dunia hari ini sebagai tempat rujukan utama. Mereka itu adalah ibarat lampu yang menerangi umat di setiap zaman.

Namun dalam pada itu selari dengan konteks

pembangunan individu yang berinformatif hari ini, baginda juga menyeru khususnya para belia untuk menggunakan daya kreativiti dan berinovasi melalui kaedah ICT. Dan baginda berbangga dengan usaha-usaha sebegini. Hal ini telah disentuh dalam titah baginda sempena Hari Belia Kebangsaan Tahun 2011, titah baginda :

"Tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Belia Berkreatif dan Berinovasi'. Ini membawa makna, para belia dikehendaki supaya lebih kreatif dan inovatif.

Mereka juga digalakkan untuk terus menerokai segala bidang, sambil sentiasa 'up-to-date' dengan perkembangan. Kita gembira, kerana terdapat sebilangan belia yang berbakat telah berjinak-jinak dengan perusahaan atau perniagaan. Mereka menggunakan daya kreativiti mereka melalui kaedah teknologi info-komunikasi atau ICT. Usaha ini sungguhlah membanggakan."

Demikianlah titah baginda yang ada relevannya dengan usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh KUPU SB ini.

Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPU SB) ini adalah inisiatif dan inovatif KUPU SB yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini dalam sama-sama mengembangkan informasi Islam untuk mengurangkan keraguan masyarakat terhadap maklumat tidak betul yang dimuat naik ke internet, malah satu usaha yang dapat dibanggakan ke arah mewujudkan tapak perkongsian maklumat dan perkhidmatan pendidikan Islam di alam siber bagi kegunaan umat Islam di mana-mana umumnya dan pelajar-pelajar Pendidikan Islam di negara ini khususnya.

Saya difahamkan laman sesawang Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPUSB) ini adalah dibangunkan oleh peserta-peserta berkumpulan yang mengikuti pertandingan ini, dari dalam dan luar negara yang mempunyai latar belakang bidang Pendidikan Islam. Syabas atas usaha yang murni ini.

Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPU SB) yang bertapak di alam siber ini diharapkan akan berkembang dengan baik dan menjadi pemangkin maklumat khasnya bagi ilmu Pendidikan Islam yang mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan tepat serta dapat memenuhi kehendak dan keperluan pengguna khususnya Muslimin dan Muslimat di negara ini yang dahagakan ilmu pengetahuan Islam yang benar, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Ke muka 4

Dari Sidang Pengarang.

13 MEI 2015 BERSAMAAN 1436 رجب 24

IKHLAS KERANA ALLAH

MASJID adalah tempat di mana kita sebagai orang-orang Islam beribadat. Selain masjid, kita juga boleh mengerjakan ibadah solat kita di tempat-tempat yang dijangkakan bersesuaian, bersih dan menghadap kiblat. Bagi musafir yang sedang berada di kapal terbang juga kini boleh mengerjakan ibadah solat di tempat yang dikhaskan seperti yang dibuat dan disediakan oleh pihak Penerbangan Diraja Brunei bagi penumpang-penumpangannya.

Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid di negara ini pada Majlis Musabqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436H / 2015M pada 11 Rejab 1436 bersamaan 30 April 2015 berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ini membolehkan rakyat dan penduduk negara ini memberikan sumbangan ikhlas ke tabung dana berkenaan melalui potongan gaji secara bulanan. Sumbangan ikhlas berkenaan akan membantu pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menaik taraf, membaik pulih atau membina dan sebagainya namun tanggungjawab kerajaan dalam membina dan mengurus masjid tetap berjalan seperti biasa.

Sesuatu yang diberikan secara ikhlas insyaaAllah akan dibalas dengan balasan yang setimpal oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Maka dalam memberikan sesuatu pastikan kita ikhlas dan elakkan dari berkata-kata serta berprasangka buruk seterusnya mengharapkan pujian daripada orang sekeliling.

Tabung dana ini membuka peluang kepada penduduk dan rakyat di negara ini menabung pahala atau menanam saham di akhirat kerana membina masjid. Amalan membina masjid adalah satu amal yang besar di mana ia mendatangkan ganjaran yang sangat lumayan. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Barangsiapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga."

Minima bagi potongan gaji bagi sumbangan kepada tabung dana ini adalah BND2 (Dua Ringgit Sahaja) yang boleh dibuat secara bulanan. Tabung dana berkenaan akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam di negara ini menabung pahala. Alhamdulillah ini adalah peluang keemasan bagi kita di negara ini dalam sama-sama menggumpul dan memperolehi pahala dalam untuk bekalan kita di akhirat jua.

Alhamdulillah, peluang sudah disediakan, jalan sudah dibentangkan, terpulung kepada kita untuk menggunakan, apa yang baik dijadikan amalan dan tauladan, apa yang buruk dijadikan sempadan dan pengajaran. Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Jika anak Adam meninggal, maka amalnya terputus kecuali dari tiga perkara, sedekah jariyah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang berdo'a kepadanya." (Hadis Riwayat Muslim, Abu Daud, At-Tarmidzi, Nasa'i dan Ahmad).

Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid sudah diperkenankan, memberi peluang kepada kita menggumpul pahala sebagai bekalan pahala di hari pembalasan, di mana kita hanya bersendirian, menanti giliran hasil dari semua perbuatan, marilah kita mengambil peluang selagi ada masa dan kesempatan, pastikan ikhlas atas semua sumbangan dan amal perbuatan, agar hidup kita mendapat keberkatan.

Kita manusia memang tidak terlepas dari kekhilafan, apatah lagi melakukan kesilapan, memang manusia serba kekurangan, namun jangan anggap kekurangan sebagai satu halangan, anggap kekurangan satu cabaran, usaha dan jangan putus harapan, di mana ada kemauan pasti ada jalan, kelebihan manusia diberikan akal dan fikiran, dalam meniti kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan.

Marilah kita cuba membuat sesuatu kebaikan dan kebajikan, tanpa mengharap balas kasihan atau ihsan, apatah lagi kata-kata pujian, biarlah apa yang dilakukan, hanya Allah sahaja yang tahu sebab dan tujuan. Semoga Allah membalasnya dengan sebaik-baik balasan, kerana Dialah tempat kita menyerahkan, segala doa, hajat, harapan dan impian. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani,
Muhammad Hidayatullah Zahari

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C / 26°C	31°C / 25°C	33°C / 25°C
MUARA		
32°C / 26°C	31°C / 25°C	33°C / 26°C
PEKAN BANGAR		
30°C / 25°C	30°C / 25°C	31°C / 25°C
PEKAN TUTONG		
31°C / 25°C	30°C / 25°C	32°C / 25°C
PEKAN SERIA		
31°C / 25°C	31°C / 25°C	32°C / 25°C
KUALA BELAIT		
31°C / 25°C	30°C / 25°C	32°C / 25°C
Wallahuallob Bismawab		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM		
KEMENTERIAN PERKHIDMATAN		
Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 134		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Perkembangan ICT lonjakkan penggunaan tulisan Jawi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap pada Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat Nasakh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, evolusi perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi adalah satu-satunya yang membawa cabaran hebat yang memerlukan langkah-langkah strategik dalam menangani dan menjadikannya sebagai peluang untuk melonjakkan lagi penggunaan dan penguasaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

tulisan Jawi. Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang juga selaku Pengerusi Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat Nasakh yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Tambah Yang Berhormat, apa yang ingin disampaikan ialah mereka boleh mengubah cabaran hebat ICT itu kepada peluang yang berharga untuk memartabatkan tulisan Jawi.

"Pada hemah saya, di antaranya ialah meneroka keupayaan pusat-pusat pengajian tinggi melalui Penyelidikan dan Perkembangan (R&D) untuk mencipta 'software' atau aplikasi yang mesra pengguna untuk memudahkan pembelajaran, pengajaran, serta penggunaan tulisan Jawi, yang boleh menarik minat terhadap penggunaannya dan dapat meluaskan lagi penggunaan tulisan Jawi dalam urusan harian. Ciptaan aplikasi berbentuk permainan yang menarik umpamanya akan dapat menimbulkan minat kanak-kanak untuk memahami dan menguasai tulisan Jawi juga perlu difikirkan dan diteroka secara

serius. Saya yakin kita mempunyai para sarjana dan pencipta atau pihak-pihak tertentu yang secara serius menunduki perkara ini dan akan mampu mengangkat tulisan Jawi itu kembali menjadi satu medium yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat," jelasnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya berharap untuk melihat lebih banyak lagi kajian-kajian mendalam dan bahan-bahan penulisan di peringkat tinggi yang mengkhusus dalam penyelidikan tentang tulisan Jawi, termasuk mengenai sejarah, fungsi, kaedah penulisan dan langkah-langkah pengukuhan dan pengembangannya.

Tambahnya, ini sangat penting agar tulisan Jawi akan tetap relevan sebagai tulisan yang benar-benar berfungsi dalam dunia keilmuan dan tamadun bangsa Melayu di negara ini dan tidak mahu tulisan Jawi itu akan hanya dikenali sebagai khazanah yang menjadi kemegahan mereka tanpa nilai intelektual.

Yang Berhormat juga menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai peri mustahaknya rakyat dan penduduk di negara ini menguasai tulisan Jawi dan mengingatkan supaya

usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan dan adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan, termasuklah juga meningkatkan penggunaan tulisan Jawi.

"Alhamdulillah, penerbitan buku Antologi Sajak Patriot Muda Hubbul Watan yang dilancarkan pada petang ini merupakan salah satu usaha dalam menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu, khususnya generasi muda dan pelajar-pelajar pada masa ini tentang peri pentingnya tulisan Jawi, di samping akan mencetus dan menyuburkan semangat patriotik di kalangan mereka," ujarnya lagi.

Buku antologi yang merangkumi tiga elemen ini jelas Yang Berhormat, mempunyai nilai yang sangat tinggi

dalam mengukuhkan kedaulatan dan peradaban bangsa dan negara, khususnya tulisan Jawi, bahasa Melayu dan seni sastera.

Penglibatan pelajar-pelajar dalam penulisan tersebut juga menurutnya, adalah amat membanggakan, lebih-lebih lagi ada di antara mereka bukan dari kalangan pelajar Melayu Islam.

Tambahnya, penglibatan para guru peringkat rendah dan menengah sekolah-sekolah kerajaan dan swasta seluruh negara untuk mempelajari dan mendalami tulisan kaligrafi Jawi ini pula adalah inisiatif yang bertepatan kerana para guru adalah fasilitator dan agen yang paling ampuh dan berkesan dalam penyebaran dalam semua cabang ilmu pengetahuan.

Yang Berhormat berharap guru-guru yang telah mengikuti bengkel ini akan dapat menyebarkan ilmu dan kemahiran yang telah diperolehi kepada pelajar-pelajar dan rakan-rakan di sekolah masing-masing.



MENTERI Pendidikan menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para pelajar yang menyertai pertandingan mencipta, menulis kaligrafi dan mendeklamasi sajak patriotik Jawi tahun 2014.

Sumber inspirasi generasi muda



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyaksikan lebih dekat aktiviti menulis tulisan Jawi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei. - Buku Antologi Sajak Patriot Muda Hubbul Watan yang merupakan kompilasi sajak Jawi dan mengandungi 30 buah sajak, adalah sebagai sumber inspirasi untuk generasi muda dalam mengekspresi semangat dan nilai patriotisme dalam penulisan kreatif (sastera).

Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat Nasakh telah berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul

Rahman bin Haji Nawi berkata, komitmen dan inisiatif Majlis Tertinggi MIB dan Kementerian Pendidikan sehingga terhasilnya buku antologi sajak Jawi, diharap akan dapat menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada pelbagai peringkat pelajar di negara ini untuk terus berusaha dengan gigih dalam menguasai ejaan Jawi dan teknik menulis kaligrafi Jawi dengan lebih sempurna dan menarik selain menjadikannya sebagai seni warisan orang-orang Brunei supaya seni khat Jawi akan terus hidup hingga ke akhir zaman.

Awang Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis menjelaskan, usaha berkenaan sekali gus mempersiapkan generasi muda untuk berperanan pada masa hadapan sebagai rakyat yang berkebolehan, kreatif dan cerdas fikiran yang akan mempertahankan nilai-nilai sosial

yang wujud dalam falsafah MIB.

Penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti seperti itu akan menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi yang mempunyai jati diri yang tinggi, berdaya saing dan berkeyakinan tinggi serta sebagai titik tolak ke arah pembentukan masyarakat yang mencintai warisan budayanya.

Guru-guru pula katanya, diharap akan dapat mengembangkan dan menyebarluaskan kemahiran yang diperolehi kepada generasi akan datang sebagai strategi mengukuhkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tulisan Jawi.

"Tulisan Jawi adalah khazanah milik bangsa dan negara yang bernilai tinggi. Justeru itu, adalah diharapkan tulisan dan seni khat Jawi akan terus kekal sebagai lambang jati diri dan citra bangsa yang perlu diletakkan di mercu paling tinggi hingga ke generasi yang akan datang," jelasnya lagi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah melancarkan buku tersebut dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para pelajar peringkat rendah dan menengah yang menyertai pertandingan mencipta, menulis kaligrafi dan mendeklamasi sajak patriotik Jawi tahun 2014, sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 tahun, diikuti dengan penyampaian sijil kepada 272 peserta terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan menengah kerajaan dan swasta senegara yang telah mengikuti bengkel seni khat berfasa bagi tahun 2014-2015.

Antara objektif penerbitan buku tersebut ialah bagi memartabatkan dan memperkasa tulisan Jawi dan sebagai sumber rujukan pendidikan sastera, di samping sebagai bahan bacaan tambahan para pelajar sekolah rendah dan menengah serta orang awam.

Manakala bengkel yang diadakan antara lain bertujuan untuk meningkatkan kemahiran seni pembentukan dan penyambungan huruf-huruf Jawi mengikut kaedah yang betul, selain untuk meneruskan dan melestarikan tulisan Jawi di Brunei.

Kedudukan tulisan Jawi tetap kukuh

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, tulisan Jawi sama sekali tidak pernah terpinggir dalam Sistem Pendidikan Negara hingga ke hari ini dan perannya sebagai medium dalam pendidikan agama Islam pula telah memperkukuhkan lagi kedudukan tulisan Jawi.

Dalam pentadbiran pula tambahannya, kedudukan tulisan Jawi terus diperkukuhkan dengan menjadikannya sebahagian daripada peraturan seperti terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 21/1988, yang menggariskan peraturan penggunaan tulisan Jawi dalam urusan kerajaan dan swasta termasuk perniagaan.

"Menyedari akan pentingnya kemahiran tulisan Jawi sebagai asas dalam membantu pembelajaran Al-Qur'an dan kehidupan seorang Islam di negara ini, asas pengetahuan tulisan Jawi telah diperkenalkan dalam Kurikulum Bahasa Melayu dan Ugama, sekolah rendah dengan harapan pelajar-pelajar Tahun 2 dalam Pendidikan Umum akan memasuki sekolah ugama dengan kemahiran Jawi bagi mempermudah mengikuti pembelajaran Al-Qur'an. Walau bagaimanapun, dengan ruang waktu yang terhad di sekolah, para ibu bapa dan penjaga perlulah membantu pelajar-pelajar meningkatkan kemahiran ini di luar waktu persekolahan," jelasnya lagi.

Terdahulu itu, Yang Berhormat menjelaskan apabila agama Islam bertapak di Nusantara kira-kira 700 tahun yang dahulu, landskap rantau ini telah mulai mengalami perubahan besar dalam sistem kehidupan masyarakat melayu.

Perubahan itu katanya, merangkumi perubahan sistem penulisan yang mana masyarakat Melayu telah mula menggunakan skrip baru yang dinamakan tulisan Jawi.

Aksara Jawi yang diambil dan disesuaikan dari aksara Arab ujarnya, telah memainkan peranan yang besar dalam kehidupan orang Melayu kerana tulisan ini digunakan dalam urusan harian, persuratan rasmi dan media untuk mempelajari dan menyebarkan agama Islam khasnya dalam mempelajari Al-Qur'an.

Tulisan Jawi jelasnya, telah menjadi sebahagian daripada tamadun bangsa Melayu yang mana Batu Tersilah yang terdapat di Negara kita seawal 440 Hijrah / 1048 Masihi dan surat-surat perjanjian awal negara kita dengan pihak asing adalah bukti sejarah menunjukkan kewujudan tulisan Jawi.

Walaupun bagaimanapun, menurutnya di rantau ini fungsi tulisan Jawi itu semakin pudar dengan kehadiran tulisan Rumi yang telah mengambil alih sebahagian besar fungsi tulisan Jawi.

Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail TOKOH DISEGANI DALAM PEMBANGUNAN UMMAH

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Khamis, 7 Mei. - Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, bekas Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam merupakan tokoh agama disegani, hormati serta sangat berbakti kepada pembangunan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz'.

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan
dari Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

ummah dan agama di Negara Brunei Darussalam khususnya pembangunan pendidikan agama formal.

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz Di Dalam Pembangunan Pendidikan Agama Formal Di Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA, Johor, di sini, menambah, Allahyarham bukan sahaja mengambil berat tentang sistem persekolahan agama, malah juga dari semasa ke semasa mengambil berat terhadap didikan agama ke atas kanak-kanak Islam Brunei, terutama melaksanakan tuntutan syarak sebagai bakal pemimpin negara. Perkara ini sering disentuh oleh Allahyarham dalam penulisan dan fatwa-fatwanya.

Tidak dinafikan bahawa keikhlasan Allahyarham, tambahnya, dalam pembangunan persekolahan agama bersistem di negara ini menyumbang kepada keberkatan sistem ini sehingga ianya relevan dan berdaya tahan sehingga ke hari ini.

Dalam kertasnya juga menyentuh di

antara program pendidikan Islam yang dilaksanakan semasa pemerintahan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien serentak dengan penubuhan sekolah rendah agama pada tahun 1956 ialah mengadakan kelas dewasa agama. Di samping penubuhan sekolah Arab, institusi pengajian tinggi Islam, keahlian dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Pendidikan Umma, bergiat aktif dalam bidang penulisan dengan menghasilkan beberapa buah buku dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan Islam sejak tahun 1935. Manakala dalam bidang pendidikan Islam, Allahyarham menghasilkan kitab Pelajaran Fiqh (Penggali Pertama) dan risalah dalam Didikan Akhlak (1935), Corak Pendidikan Dalam Islam berhubung dengan Pendidikan di Negara Brunei Darussalam (1981) dan Konsep Pengajian Tinggi Islam (1987) dan lain-lain buku yang menjadi rujukan utama aspek pendidikan agama di negara ini.

Di sebalik kejayaan penubuhan sekolah agama secara formal, tegasnya, di negara ini, Kerajaan Negeri Johor telah memainkan peranan penting dalam membantu menubuhkan, mengurus dan



DULI Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan mengabdikan gambar kenangan bersama anakanda-anakanda kepada Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

membangun sekolah agama di negara ini. Pada peringkat awal penubuhan sekolah agama di negara ini, sistem persekolahan yang digunakan adalah berasaskan sistem sekolah agama yang berjalan di Negeri Johor merangkumi peraturan-peraturan, kurikulum, buku-buku teks, malahan guru-guru dan pegawai pentadbir sekolah juga didatangkan dari Negeri Johor.

Kini terbukti bahawa legasi Allahyarham dalam pembangunan dan pengukuhan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam terus diterima pakai sebagai sumber rujukan, juga menjadi asas sandaran

dalam mengemaskinikan kurikulum pendidikan agama dan pembangunan sekolah-sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.

Maka sudah tiba masanya institusi-institusi pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam atau di Negeri Johor, tegasnya, mewujudkan sebuah 'Kerusi Akademik' atas nama Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin bagi mengabadikan sumbangan dan jasa baktinya yang tidak terhingga ke atas pembangunan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam dan di Negeri Johor.

KLIHF 2015 pameran himpunan fesyen antarabangsa

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Pameran Perdagangan Fesyen Muslimah Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIHF) 2015, anjuran syarikat peruncit busana Muslimah dan penganjur event antarabangsa, Woj Wealth Sendirian Berhad (WOJ) buat julung kalinya berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas bermula 8 Mei.

Pelancaran KLIHF 2015 disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Siti Radhiyah binti Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama

Datuk Awang Sahak bin Awang Salleh.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Haji Abdul Aziz dan isteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat oleh Ustaz Don Danial dari Malaysia.

KLIHF pada tahun ini berlangsung di dua buah negara iaitu di Negara Brunei Darussalam selama tiga hari mulai 8 hingga 10 Mei 2015 dan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 28 hingga 31 Mei 2015.

Pengarah Urusan, WOJ, Mona Din dalam ucapan alu-aluan beliau antara tujuan KLIHF diadakan ialah untuk menjadikan KLIHF sebagai platform kepada pengusaha-pengusaha perniagaan meniadakan barangan yang berkonsepkan fesyen Muslimah dan peluang pelaburan dalam dan luar negara.

KLIHF merupakan pameran perdagangan berkonsep 'Business to Business' (B2B) dan 'Business to



HADIR sama pada pelancaran KLIHF 2015 ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Haji Abdul Aziz dan isteri.

Consumer' (B2C), hasil usahasama empat jenama fesyen Muslimah Malaysia, iaitu Mona Din pemilik jenama Hajaba, Abjda Datuk Zulkifli dan Sukinah Datuk Zulkifli pemilik jenama Nainikifli serta Farrah Adeeba pemilik jenama Najjah.

Sebanyak 150 gerai jualan mengikuti pameran ini dari dalam dan luar negara termasuk Negara Brunei Darussalam, Malaysia, United Kingdom dan Australia.

KLIHF yang pertama telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, Malaysia pada Jun tahun lepas dan mendapat

sambutan yang baik.

Pelbagai program-program pentas menarik untuk pengunjug KLIHF pada tahun ini antaranya Forum Perniagaan yang mengetengahkan dua tokoh perniagaan berjaya yang mengembangkan perniagaan melalui alam maya, menggayakan hijab menurut syariat dan Tazkirah Maghrib bersama Ustaz Don Danial dari Malaysia.

Pameran perdagangan selama tiga hari sehingga Ahad, 10 Mei ini dibukakan kepada orang ramai bermula pukul 9 pagi hingga 9 malam.

HALUAN

Dari muka 2

Ertinya: "Daripada 'Abd Allah bin 'Amr, sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: "Sampaikan dari ku walaupun sepotong ayat, dan tidak mengapa mengambil (sesuatu) daripada Bani Israel, (akan tetapi) sesiapa yang berdusta di atas nama ku secara sengaja, maka bersedialah tempat duduknya dalam neraka." (Riwayat al-Bukhari, Tirmidhi, Ahmad dan Ibn Hibban).

Hadis di atas merupakan peringatan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya supaya menyampaikan apa sahaja yang

AIN@KUPU SB pemangkin maklumat ilmu Pendidikan Islam

diketahui dengan pasti dan benar daripada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam kepada masyarakat. Oleh yang demikian, mereka yang diberi kelebihan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan sedikit ilmu pengetahuan yang bermanfaat, dimintalah berkongsi kemanisan ilmu itu dengan saudaranya yang lain, walaupun hanya sepele perkataan. Namun sekiranya dilihat mampu memberi maklumat atau ilmu yang berharga kepada orang lain, sebarankah seberapa yang luas. Betapa indahnya ajaran Islam, bahawa perasaan individualistik, egoistik dan bakhil terhadap ilmu yang dimilikinya perlu dikikis daripada hati kerana pada hakikatnya segala ilmu itu milik Allah

untuk kebaikan umat Islam malah kebaikan umat manusia di seluruh jagat raya tanpa mengira warna, kulit, bangsa, ugama dan faham politik.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa perkhidmatan Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (AIN@KUPU SB) ini tidak hanya terhad kepada pelajar-pelajar sekolah ugama dan para guru ugama sahaja, malah saya kira ia boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam perkhidmatan Pendidikan Islam untuk dapat membantu bagi menjawab dan menguraikan permasalahan atau isu-isu semasa terkini yang dihadapi oleh orang ramai. Impak perkhidmatan tersebut secara langsung akan

menyerlahkan lagi imej kolej universiti ini sebagai sumber rujukan Pendidikan Islam dalam negara ini yang merupakan hasil kreativiti dan inovasi anak tempatan sendiri.

Selari dengan itu, saya menyeru kepada kolej universiti ini untuk meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi yang mempunyai skop dakwah yang sama seperti Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Pengajian Islam, Pusat Da'wah Islamiah, institusi-institusi pengajian tinggi dan lain-lain rakan strategik bagi dapat mengembangkannya perkhidmatan Pendidikan Islam di atas talian sebagai salah satu usaha untuk menolak di'ayah-di'ayah palsu dari musuh-musuh Islam dan menolak apa jua

kontroversi yang tidak sehaluan dengan cara hidup beragama di negara ini menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Sekali lagi, saya dengan rasa syukur dan bangga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penganjur atas inisiatif yang dijalankan ini, dan atas apa jua usaha dari pihak yang terlibat secara langsung atau tidak untuk menjayakan Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam ini. Semoga usaha seperti ini akan dapat diteruskan di masa akan datang dengan lebih kemas dan teratur, lebih menyerlah dan lebih berjaya, InsyaaAllah.

Sekian.

Anugerah Akademik Cemerlang Tahun 2014



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid ketika hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

LUMUT, Khamis, 7 Mei. - Seramai 145 pelajar termasuk anak-anak kakitangan Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG) Sendirian Berhad dan 30 orang Guru Terbaik telah menerima hadiah penghargaan anjuran BLNG yang merupakan satu projek tahunan buat kali Ke-14 sejak ditubuhkan pada tahun 2001.

Usaha seumpama ini telah diunkayah sebagai usaha untuk menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak BLNG tentang perkembangan dan kemajuan akademik di Daerah Belait khususnya.

Program ini diadakan untuk memberi galakkan dan motivasi kepada pelajar-pelajar agar berusaha dengan lebih tekun dan gigih serta

memberikan penghargaan kepada guru-guru atas usaha berterusan mereka dalam mendidik sehingga akhirnya membuahkan keputusan yang cemerlang.

Ia juga dihasratkan menjadi pendorong dan pembakar semangat kepada setiap pelajar ke arah memajukan diri terutama dalam meningkatkan tahap cemerlang dan pencapaian di bidang akademik pada masa akan datang.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

“Inisiatif dan sokongan yang padu daripada pihak BLNG dalam menganjurkan majlis seumpama itu

telah menampakkan komitmen dan penglibatan syarikat sesuai dengan namanya sebagai sebuah badan korporat yang penting dan pada masa yang sama mempunyai kepentingan di Negara Brunei Darussalam,” kata Timbalan Setiausaha Tetap KHEU dalam ucapannya.

“Usaha ini memang mempunyai peranan dalam membantu kerajaan bagi mendukung hasrat serta Wawasan Negara 2035 bagi melahirkan rakyat dalam kalangan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi, berdaya saing dan berdaya tahan,” tambah beliau.

Beliau juga menekankan bahawa pelajar-pelajar merupakan pemimpin hari esok dan merupakan aset negara yang bakal menyambung kecemerlangan dan kejayaan ugama, bangsa dan negara pada masa akan datang.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual guru dan pelajar penerima anugerah cemerlang yang telah terpilih, Awang Mohamad Isfardi @ Mohamad Isyraf Amadi bin Haji Md. Ja'afar, mengajar mata pelajaran Sains dan sudah berkhidmat sebagai guru sejak 10 tahun lalu berasa amat gembira dengan pencapaian yang telah beliau perolehi.

“Saya menggunakan jadual teratur dan menitikberatkan masa belajar dengan terancang serta mementingkan disiplin terhadap pelajar dan pembelajaran yang saya ajarkan, saya

akan pastikan mereka faham dan dapat mengikuti pelajaran yang saya sampaikan,” terang beliau yang mengajar di Sekolah Arab Belait.

Sementara itu, PELITA BRUNEI juga menemui bual pelajar cemerlang Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Awangku Abdul Aziz bin Pengiran Sulaiman, 18 tahun anak pertama dari dua adik beradik, berhasrat menyambung pelajaran beliau di Mechanical Engineering di Loughborough University.

“Anugerah ini sangat istimewa



PENERIMA Anugerah Penghargaan Guru Terbaik, Awang Mohamad Isfardi @ Mohamad Isyraf Amadi bin Haji Md. Ja'afar ketika ditemu bual PELITA BRUNEI.

ianya benar-benar khusus buat kedua orang tua saya yang selalu memberi dorongan dan sokongan dalam pembelajaran selain itu, mereka berdua juga sangat-sangat menitikberatkan didikan agama dalam hidup seharian, berdisiplin dan berperaturan,” jelasnya dengan sungguh-sungguh.

PELITA BRUNEI juga menemui bual dua beradik Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang, dari Sekolah Rendah Lumut, Dayang Nurnadiah Basirah binti Abdul Ari dan Dayang Nurnadiah Batrisyia binti Abdul Ari, mereka berasa sangat gembira menerima anugerah berkenaan.

Penerima Anugerah Akademik Cemerlang 2014 dalam peperiksaan awam, Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Dayang Nurashadyana Adzeeqrah binti Mohamad Kamal, bersama ibunya Dayang Siti Rasiah binti Tengah berasa teruja dan gembira dengan pencapaian yang telah diperolehi.

Majlis itu disudahi dengan Penyampaian Anugerah Khas Sekolah Berprestasi bagi tahun 2014 dan telah disandang oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut, dana anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengurus Loji, BLNG, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Sirat.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan BLNG, pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, ketua-ketua kampung serta jemputan-jemputan khas.

Menyemai semangat patriotisme kalangan pelajar



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz acara Taklimat Kenegaraan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BERAKAS, Khamis, 7 Mei. - Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan inisiatifnya ke arah menyemai semangat patriotisme yang tinggi kepada generasi muda terutama pelajar-pelajar dengan mengadakan Taklimat Kenegaraan.

Ke arah itu, taklimat 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan', diteruskan lagi hari ini bagi pelajar-pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) dalam usaha menerangkan peranan dan tanggungjawab dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan yang merupakan identiti lambang sebuah negara yang semestinya dijaga dan dipelihara.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

semasa menyampaikan taklimatnya di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, menegaskan, bendera Negara Brunei Darussalam yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Ujarnya, ia hendaklah dinaikkan atau dikibarkan di kedudukan yang jelas kelihatan dan bukannya tertutup atau tersembunyi seperti di belakang rumah.

Dalam taklimat itu, beliau antara lain menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik kibar bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' selain menghuraikan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu

kebangsaan negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik kibar dan kemudian menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti PELITA BRUNEI dan Radio dan Televisyen Brunei.

Selain mengetahui sejarah bendera dan lagu kebangsaan, setiap rakyat harus menghormati dan menghayati erti di sebalik seni kata lagu 'Allah Peliharakan Sultan' kerana ia mengandungi permohonan doa kepada Allah untuk raja dan negara, di samping mendidik para pelajar bagaimana ketertiban semasa menaik-kibarkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan yang merupakan pendidikan awal yang boleh memberikan kesan positif.

Acara diteruskan dengan tayangan video klip mengenai bendera negara terbitan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan sesi Kuiz Kenegaraan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah bintiaji Aliomar.

Lebih 180 penuntut daripada empat buah jabatan menghadiri sesi taklimat berkenaan dan disertai oleh 10 guru pengawas yang diketuai oleh Pegawai Pendidikan, Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari yang juga selaku Ketua Hal Ehwal Pelajar MTSSR.

Antara objektif program taklimat ialah mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara, beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja selain menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui bendera negara dan lagu kebangsaan.

Selain itu, ia bertujuan memapankan usaha-usaha yang telah sedia ada

dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai bendera negara dan lagu kebangsaan.

Program Taklimat Kenegaraan merupakan usaha Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan bagi

meningkatkan peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan, khususnya bagi pelajar institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, pusat tingkatan enam dan sekolah-sekolah menengah seluruh negara.



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, semasa menyampaikan taklimat 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan'.



BAGI menguji kecerdasan minda para pelajar, kuiz turut diadakan pada acara Taklimat Kenegaraan.

Peserta ACCSM terima sijil penyertaan

Oleh : Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

RIMBA, Khamis, 7 Mei. - Institut Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) telah mengadakan Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam (ACCSM) bagi negara-negara Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam (CLMV) di Institut berkenaan, di sini.

Program selama empat hari itu telah dihadiri seramai sembilan peserta dari

negara CLMV dan lapan pegawai dari pelbagai kementerian dan jabatan dari Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil ialah Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris.

Juga hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Awang Zaini bin Abdullah, Pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil daripada kedutaan yang dijemput khas.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Penglibatan, Aras I, IPA, Rimba Gadong, di sini.



SETIAUSAHA Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris ketika menyampaikan sijil kepada sebahagian daripada peserta Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam (ACCSM).

154 ton metrik kurma jenis 'Safawy' dibekalkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Sejumlah 154 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' yang dibekalkan oleh Al Madinah Dates Company, Arab Saudi akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini dengan tidak menghadkan umur dan taraf kerakyatan dengan setiap seorang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram.

Perkara tersebut merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Penyelaras Pembahagian Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daussalam sempena bulan Ramadan 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di ibu negara.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), pegawai-pegawai daerah dan wakil-wakil dari Jabatan Daerah, pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berserta pegawai-pegawai YSHHB.

Turut dibincangkan ialah mengenai sistem pengendalian dan pembahagian kurma kurnia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daussalam sempena bulan Ramadan 1436 Hijrah / 2015 Masihi dan seterusnya melantik Urusetia dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang akan diselenggarakan oleh YSHHB dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat.

Kurma yang dibekalkan dari Al Madinah Dates Company, Arab Saudi dihantar dengan menggunakan kapal laut dan dimuatkan dalam kontena berhawa dingin, iaitu bagi memastikan kesegaran buah kurma berkenaan dan akan dijangka tiba di Pelabuhan Muara pada minggu ketiga bulan Mei 2015.

Pembahagian kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM pada ahun ini akan bermula dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma yang mana ia akan diserahkan kepada ketua-ketua kampung di seluruh negara dan mereka kemudiannya (iaitu selepas majlis pelancaran) akan mengagih-agihkan buah kurma berkenaan kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing.

Sementara bagi anggota ABDB pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma tersebut akan diserahkan kepada Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera ABDB, Pengarah-pengarah Unit di Kementerian Pertahanan dan mereka kemudiannya akan mengagih-agihkan buah kurma tersebut kepada pegawai dan kakitangan di bawah unit masing-masing.

Begitu juga bagi PDB pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma itu nanti, buah-buah kurma tersebut akan diserahkan kepada pegawai-pegawai pemerintah dan pengarah formasi-formasi dan mereka kemudiannya akan mengagih-agihkan buah kurma tersebut kepada pegawai dan kakitangan di bawah unit masing-masing.

Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daussalam adalah dihasilkan sebagai juadah terbuka puasa di bulan Ramadan.



MESYUARAT Penyelaras Pembahagian Kurma dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bergambar ramai bersama para peserta ACCSM bagi negara-negara Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam (CLMV).

Pesta ulaman berjaya hasilkan lebih BND77 ribu

GADONG, Khamis, 7 Mei. - Pesta Ulam-Ulaman dan Pelbagai Tanaman 2015 selama lima hari telah berjaya menghasilkan jualan sebanyak BND77,697.90 mengikut kategori.

Seramai 77 peserta dengan jumlah 93 buah petak jualan telah menyertai pesta tersebut dengan menjual ulam-ulaman, pelbagai tanaman dan buah-buahan segar berjumlah BND20,398.30, makanan / produk proses berasaskan ulam-ulaman dan pelbagai tanaman (sos dan perisa, snek, minuman, acar & jeruk dan lain-lain) berjumlah BND25,398.00, semaian / tanaman ulam-ulaman / pelbagai tanaman berjumlah BND4,114.00, makanan segera (*fast food*) berjumlah BND4,160.00, gerai makanan dan minuman berjumlah BND9,907.90, 'Eat all you can' (Pancake ulam-ulaman) berasaskan ambuyat dan ayam penyot berjumlah BND3,424.50 dan jualan beras berjumlah BND10,295.20.

Seramai kira-kira 10,000 orang telah mengunjungi Pesta Ulam-Ulaman dan Pelbagai Tanaman 2015 lima hari itu.

Pesta tersebut berjaya kerana secara purata setiap peserta petak jualan telah dapat meningkatkan penjualan serta pendapatan mereka dengan memperolehi hasil kira-kira BND900 - BND1000 dalam masa lima hari sahaja.

Maka, pesta ini secara langsung telah memberi ruang pemasaran yang baik dan sokongan serta kemudahan kepada para pengusaha kecil dan sederhana (PKS).

Majlis pembukaan rasmi pesta tersebut telah dilaksanakan pada 11 Rejab 1436 Hijrah bersamaan 30 April 2015 Masihi oleh tetamu kehormat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Ia bermula pada Khamis 30 April lalu sehingga Isnin, 4 Mei bertempat di kawasan Koridor Inovasi Bio (BIC) Zon A, Kampung Tungku dengan tema 'Nikmatilah Khasiat Ulam-Ulaman Kitani'.

Antara matlamat dan objektif pesta ini diadakan adalah sebagai salah satu program jabatan bagi memperkenalkan kepelbagaian jenis ulam-ulaman dan pelbagai tanaman serta meningkatkan kesedaran mengenai khasiat ulam-ulaman kepada orang ramai, khasnya kepada generasi muda dan pengusaha-pengusaha bagi meningkatkan hasil pelbagai tanaman serta meningkatkan sikap daya saing di antara pengusaha-pengusaha agar lebih pro-aktif dalam meningkatkan perusahaan mereka, untuk memberi peluang pemasaran dan interaksi sesama pengusaha dan sebagai

promosi dan galakan serta sokongan jabatan ke atas kegiatan pengusaha-pengusaha industri pelbagai tanaman.

Untuk memeriahkan lagi Pesta Ulam-Ulaman dan Pelbagai Tanaman 2015, pelbagai aktiviti antara lain telah dirancang untuk pelawat-pelawat seperti gerai-gerai jualan produk-produk pertanian dan agrimakanan, galeri dan pameran yang melibatkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bahagian Biosekuriti, Bahagian Keselamatan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama (PreDec), Pusat Inovasi Biodiversiti (BioRic) dan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, poster-poster mengenai bidang-bidang pelajaran serta peluang pekerjaan yang berkaitan dengan industri pertanian dan agrimakanan dan seminar mengenai kelebihan dan khasiat herba serta ulam-ulaman tempatan.

Di samping itu, seminar daripada 'Raw Food Asia' juga telah diadakan sepanjang pesta dan demo penyediaan jus dan ulam-ulaman oleh Bahagian Industri Agrimakanan.

RALAT

PUISI ADI RUMI bertajuk 'KEMBALINYA SAHABATKU FILLAH' yang tersiar dalam akhbar ini terbitan pada hari Sabtu, 9 Mei 2015 dalam muka surat 9, para 5 hendaklah dibaca 'untuk menambal atau mengusai' - Penyunting.

Para pemenang Minda Pembaca!



Wujudkan bangsa bertamadun tinggi

KEHIDUPAN seharian kita tidak dapat dipisahkan dengan adat yang diwarisi dengan budaya turun-temurun pada masa dahulu. Adat bermaksud kebiasaan, resam dan peraturan yang dijunjung oleh kelompok masyarakat di sesebuah negara. Manakala budaya ialah cara hidup sesuatu masyarakat yang mencerminkan keperibadian bangsa. Adat dan budaya adalah perkara yang paling utama dalam apa juga susunan pergerakan dalam peraturan kehidupan seharian oleh sesebuah masyarakat dalam membudayakan bangsa. Adat asli dari turun-temurun bersendikan agama Islam dan sesuai dengan peredaran zaman dan kemajuan harus dipertahankan sehingga sekarang. Negara kita Brunei Darussalam mempunyai tujuh puak yang terdiri daripada puak Melayu Brunei, puak Kedayan, puak Tutong, puak Belait, puak Dusun, puak Murut dan puak Bisaya. Adat yang mereka warisi dari turun-temurun mereka mengandungi pelbagai ragam dan perbezaannya seperti dalam adat perkahwinan, adat bersalin, adat menyambut hari keramaian, adat kematian dan sebagainya. Dengan peredaran zaman yang semakin moden kini telah mengahkiskan kebudayaan Melayu Brunei terutamanya dari golongan generasi muda dengan melalui media massa yang banyak mempengaruhi mereka. Pihak berkuasa menjadi peranan yang penting dalam mewujudkan masyarakat Brunei yang berbudaya dengan perubahan sosial tanpa meruntuhkan moral dalam setiap individu. Nilai-nilai budaya seperti berakhlak, berdisiplin, berdikari dan sebagainya harus ditanamkan, dilatih dan diamalkan secara sistematik untuk mengenali, mengetahui dan menghayati unsur-unsur budaya Melayu Brunei dengan konsep Melayu Islam Beraja. Kesimpulannya, kebudayaan Melayu Brunei mempunyai nilai yang tinggi. Adat budaya Brunei yang dipengaruhi agama Islam adalah memainkan peranan yang penting dalam mengolah dan menyusun adat sebagai satu cara hidup seharian yang lengkap dan baik. Adat budaya harus diambil perhatian dan kefahamannya oleh setiap keluarga, generasi belia dan masyarakat agar bertanggungjawab untuk kepentingan bangsa dan negara bak kata pepatah 'Biar Mati Anak, Jangan Mati Adat' agar ia mewujudkan satu bangsa dan negara yang makmur, sejahtera, kukuh lagi bertamadun tinggi.

Nama : Nurjuliaha binti Abdullah
No. K/P : 01-060766 (K)
Alamat : No. 19, Simpang 14, Jalan 99
RPN Kampung Rimba, Gadong, BE 3319
Negara Brunei Darussalam

Amalkan adat budaya dalam kehidupan seharian

DI Negara Brunei Darussalam melalui tujuh etnik yang berbeza terdapat berbagai-bagai adat budaya yang diwarisi dari zaman ke zaman. Adat dan budaya ini merupakan khazanah serta warisan bangsa yang tidak ternilai. Sungguhpun begitu, melalui arus kemodenan yang sangat drastik telah menyebabkan adat budaya di negara ini kian dilupakan. Lebih malang lagi, disebabkan sikap acuh tidak acuh oleh sesetengah pihak terhadap adat budaya negara menyebabkan ia terus hilang ditelan zaman. Namun terdapat pelbagai langkah dijalankan oleh beberapa pihak bagi mengekalkan serta melestarikan adat budaya Brunei. Bagi melestarikan adat budaya di negara ini, masyarakat hendaklah sentiasa mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan seharian. Perkara ini termasuklah dari sudut berkomunikasi, cara berpakaian dan hidup bermasyarakat. Selain itu, adat dan budaya itu boleh juga diamalkan dalam majlis-majlis tertentu. Contohnya, adat berbasuh kaki semasa majlis persandingan bagi puak Tutong masih lagi diamalkan sehingga hari ini. Dengan mengamalkan adat semasa majlis keramaian, sedikit sebanyak dapat memperkenalkannya kepada ahli masyarakat. Selain itu, pendedahan mengenai adat budaya Brunei dapat dijalankan melalui karnival, forum, pameran yang akan dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang adat serta budaya Brunei. Hal ini boleh dijalankan dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk pelajar-pelajar sekolah dari peringkat rendah, menengah mahupun peringkat universiti. Menerusi aktiviti seumpama ini boleh juga diadakan acara seperti pertandingan pentas lakonan, menambang syair, puisi, tarian dan sebagainya bagi memberi suntikan semangat kepada masyarakat tentang kepentingan untuk mengekalkan serta melestarikan budaya kita sendiri. Justeru itu, melalui kerjasama semua ahli masyarakat, adat budaya Brunei dapat dikekalkan dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Selain itu, melalui acara serta pertandingan akan dapat mendedahkan pengetahuan kepada masyarakat. Oleh itu, diharap masyarakat akan peka mengenai kepentingan adat budaya tanah air sendiri.

Nama : Abdul Malik bin Ramlli
No. K/P : 01-074785 (K)
Alamat : No. 6, Simpang 194-8
Kampung Penanjong Tutong, TA2714
Negara Brunei Darussalam.

Adat budaya kekayaan Brunei

SETIAP negara mempunyai adat budaya yang tersendiri begitu juga Negara Brunei Darussalam yang kaya dengan budaya yang diwarisi daripada tujuh puak jati. Setiap puak jati mempunyai dialek mereka sendiri sebagai alat komunikasi. Namun begitu dialek Melayu Brunei digunakan sebagai perhubungan antara semua puak. Dialek Melayu Brunei mempunyai banyak persamaan dengan dialek Melayu Kedayan, manakala dialek puak lain mempunyai banyak perbezaan. Adat budaya merupakan warisan amat berharga dan dihormati oleh masyarakat kerana ia merupakan satu peraturan hidup atau garis panduan yang mengawal kebaikan dan kesempurnaan sesebuah masyarakat. Warisan adat dan budaya bangsa Brunei yang terdiri daripada tujuh puak merupakan khazanah yang sangat berharga yang mencerminkan identiti bangsa Brunei yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Bagi memperjelaskan lagi signifikan dan kepentingan sesebuah masyarakat serta menaiktarafkan adat budaya ini, pihak kerajaan bolehlah menganjurkan program yang bersangkut-paut dengan Adat Budaya Brunei sama ada melalui festival, motivasi atau program kuiz. Di antara objektif program ini adalah untuk membina iltizam serta pengetahuan kepada generasi muda di negara ini mengenai adat dan budaya dalam kehidupan bermasyarakat serta bernegara sekaligus meningkatkan kesedaran dalam memelihara khazanah budaya di Negara Brunei Darussalam. Dalam kesempatan ini, kita bolehlah memelihara etnik-etnik ini dengan cara mengekalkan tradisi perkahwinan dan acara-acara mengikut adat budaya mereka sendiri. Oleh itu, belia pada masa kini dipupuk dengan moral khazanah adat budaya Brunei agar tidak dimakan oleh zaman yang serba moden ini. Oleh itu, hal sedemikian janganlah dipandang remeh sebaliknya berusaha untuk melestarikan adat budaya Brunei supaya dikenali sehingga ke santero dunia.

Nama : Nur Siti Hajar binti Haji Sharbini
No. K/P : 01-089732 (K)
Alamat : No. 51, Simpang 44
Jalan Parak, Kampung Panaga
Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mantapkan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2015.
2. 'Keluarga Bahagia Penjana Generasi Berwawasan'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2015.
3. 'Budaya Keselamatan Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2015.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak tiga penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan setiap seorang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Perkhidmatan kepakaran Hospital RIPAS semakin bertambah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa merasmikan Karnival Amal Sempena 30 Tahun Hospital RIPAS dan Perasmian Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Ahad, 10 Mei. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) telah menjalani dan meraih pelbagai perkembangan dan kemajuan sejak ia ditubuhkan 30 tahun yang lalu.

Daripada aspek infrastruktur, pelbagai pembaharuan dan peningkatan taraf telah pun dilaksanakan khususnya yang terkini dengan pembinaan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata demikian kepada para pemberita semasa ditemu bual pada Karnival Amal Sempena 30 Tahun Hospital RIPAS dan Perasmian Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat berkata, kita juga telah melihat pelbagai perkembangan dari aspek perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang semakin bertambah misalnya ada pusat diabetes, pusat entamology dan juga berbagai-bagai lagi perkhidmatan dan pembaharuan telah pun disediakan.

Hospital RIPAS tambahannya juga telah meraih sejarah apabila berjaya melaksanakan pemindahan buah pinggang dan pembedahan lutut (*orthopedic*) selain juga memperkenalkan perkhidmatan bagi yang kurang pendengaran dengan

menyediakan peralatan *implant* bagi membantu mereka memudahkan mendengar.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kita juga melihat pelbagai peralatan dan perkakas moden terkini dan canggih seperti peralatan pengimbas MRI scan dan begitu juga peralatan lain yang turut disediakan semata-mata untuk mempertingkatkan lagi kualiti efisiensi dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan khususnya kepada pesakit yang memerlukan perkhidmatan sedemikian.

Dari aspek sumber tenaga manusia pula jelasnya, semakin banyak anak-anak tempatan yang mempunyai kelulusan kepakaran dan juga kemahiran dikalangan doktor tempatan misalnya kepakaran dalam *orthopedic*, *pediatrician*, *oncology*, *gynaecology* dan berbagai-bagai lagi.

Menurut Yang Berhormat, bilangan katil di Hospital RIPAS juga telah ditambah daripada hanya 300 katil kepada 900 katil pada masa ini.

Dalam pada itu jelasnya, perkhidmatan *shuttle bus* yang disediakan bagi kunjungan orang ramai ke Hospital RIPAS merupakan satu lagi inisiatif dan kemudahan yang diberikan bagi kemudahan orang ramai sekali gus menyelesaikan

masalah letak kereta yang dihadapi sebelum ini.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, orang ramai boleh memilih jika mahu menggunakan perkhidmatan *shuttle bus* secara percuma ataupun mereka juga boleh meletakkan kereta di tempat letak kereta yang berbayar di kawasan Hospital RIPAS.

Yang Berhormat turut menyeru orang ramai supaya akan dapat memberi kerjasama untuk menjaga kebersihan dan keselamatan di Hospital RIPAS dan bukannya merosakkan kemudahan-kemudahan-nya kerana apa jua kemudahan yang disediakan itu adalah semata-mata untuk keistimewaan para pesakit yang memerlukan.

Sementara itu, menyentuh mengenai karnival yang diadakan itu pula, Yang Berhormat menyatakan bahawa karnival bertujuan untuk menambah dana tabung amal bantuan pesakit kepada pesakit-pesakit di negara ini.

Ini jelas Yang Berhormat, termasuk peminjaman peralatan yang tertentu dan perkhidmatan 'Home-based Nursing' kepada mereka yang memerlukan rawatan di rumah dengan adanya lawatan daripada jururawat-jururawat dan juga doktor bila diperlukan.

ABDB beri khidmat rawatan gigi percuma

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

BELAIT, Ahad, 10 Mei. - Penduduk Kampung Labi dan sekitarnya berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan percuma, antaranya rawatan gigi oleh Anggota Khidmat Perubatan, Pergigian dan Pusat Optima Kecergasan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Khidmat percuma itu juga dibantu oleh Khidmat Bantuan Kombat Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Jerayawara tersebut melibatkan 54 anggota, diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Labi, Kampung Labi II, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penghulu Mukim Labi, Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Acara dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai sebelum aktiviti promosi kesihatan bermula.

Objektif jerayawara untuk mempromosikan kesihatan badan, kesihatan mulut dan cara hidup sihat sebagai inisiatif kemasyarakatan ABDB sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-54 Tahun.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pemeriksaan kesihatan badan, Body Mass Index, tekanan darah tinggi, kadar gula dalam darah, suntikan JE dan konsultasi bersama pegawai doktor perubatan.

Selain itu, orang ramai juga boleh membuat pemeriksaan dan rawatan pergigian, kesihatan mulut, gigi dan gusi selain rawatan asas pergigian.

Jerayawara juga mempamerkan demonstrasi rawatan kecemasan dan 'basic life support' (BLS) oleh ahli paramedik ABDB, taklimat promosi kesihatan pergigian dan mulut oleh Higinis Pergigian ABDB.

Acara dimeriahkan juga dengan aktiviti Puppetshow mengenai kesihatan pergigian kanak-kanak dan tunjuk ajar tatacara pembersihan gigi harian bagi menarik perhatian mereka untuk membuat pemeriksaan gigi oleh jururawat pergigian kanak-kanak ABDB.

Sehari sebelum pelancaran jerayawara tersebut pengasapan (*fogging*) di kawasan Kampung Labi untuk membunuh nyamuk oleh ahli Hygiene ABDB di sekitar Kampung Teraja dan Kampung Mendaram Besar.



ANGGOTA Khidmat Perubatan, Pergigian dan Pusat Optima Kecergasan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berada di Dewan Serbaguna Kampung Labi, Kampung Labi II bagi memberikan perkhidmatan gigi percuma.

Mesyuarat Ortopedik Saintifik Kedua dirasmikan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila hadir bersama pakar ortopedik di Mesyuarat Ortopedik Saintifik Kedua di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil berucap merasmikan Mesyuarat Ortopedik Saintifik Kedua.

JERUDONG, Ahad, 10 Mei. - Kebanyakan prosedur ortopedik termasuk pembedahan penggantian urat saraf, lutut dan punggung serta rawatan pelbagai kecederaan yang berkaitan dengan sukan dan pengurusan kes-kes trauma kini dilaksanakan di negara ini.

Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil selaku tetamu kehormat berkata demikian pada Majlis Perasmian Mesyuarat Ortopedik Saintifik Kedua di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Menurutnya, para pesakit yang menjalani pembedahan *arthroscopic* bahu dan lutut pada masa ini boleh

kembali ke rumah dalam masa sehari atau dua hari selepas pembedahan tersebut.

Dari itu, kita tegasnya hendaklah sentiasa menyedari akan keperluan dalam memperbaiki dan menyedihkan perkembangan orang Brunei, di samping berinteraksi dalam kalangan para pengamal ortopedik serantau dan antarabangsa.

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila seterusnya menyatakan, mesyuarat tersebut merupakan sumbangan besar dalam penjagaan kesihatan di Brunei dan juga rantau ASEAN.

Sementara itu, Ketua Jabatan Ortopedik Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Abdul Rashid bin Haji Mohammad selaku Presiden Persatuan Ortopedik Brunei Darussalam berkata, pakar ortopedik berusaha untuk memulih, mengekalkan atau meningkatkan gerakan untuk mengelakkan masalah tersebut di seluruh dunia.

Oleh itu, beliau berharap persahabatan di antara persatuan ortopedik atau masyarakat negara ASEAN melalui persatuan ortopedik ASEAN akan berterusan pada tahun yang akan datang.

Lebih 200 peserta terdiri daripada para doktor, profesional kesihatan bersekutu dan jururawat menghadiri mesyuarat berkenaan yang bertemakan 'Staying in Motion - The Key to Good Health'.

Majlis tersebut, dimuatkan dengan pembentangan kuliah yang berkaitan dengan isu-isu ortopedik yang disampaikan oleh para pengamal ortopedik dari dalam dan luar negara, iaitu Thailand, Malaysia dan Filipina.

Tokoh Ulama dikagumi

Oleh :
Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor

TEGUH berpegang kepada Al-Qur'an dan Al-Sunnah serta mengambil kira pendapat para ulama yang muktabar, berpendirian mempertahankan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah, tegas lagi berani dalam memberikan pandangan tentang ugama: Itulah antara gambaran peribadi tokoh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Pertama Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Tingkah laku dan tutur kata kesopanan dan kelembutan tetapi ada

Wasfi Mirza bin Othman
Kuratur Muzium Tokoh Johor
Yayasan Warisan Johor



"HUBUNGAN antara Kerajaan Johor dan Kerajaan Brunei yang sedia ada semakin terjalin erat apabila Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar bekerjasama dalam memartabatkan pendidikan agama dengan mendatangkan kepakaran guru-guru agama Negeri Johor ke Negara Brunei Darussalam bagi mempertingkatkan pendidikan agama yang formal dan bersistematik. Pameran Tokoh Pameran Tokoh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz merupakan hasil hubungan erat dua raja mukmin kearah memberi penghargaan kepada seorang tokoh ulama yang berperanan besar dalam memberi sumbangan untuk perkembangan tarbiyah Islam di Negara Brunei Darussalam dan Negeri Johor Darul Ta'zim. Pameran ini mengandungi pelbagai aspek dengan menyelusuri kehidupan Allahyarham dari awal didikan yang telah diberi oleh keluarga Allahyarham pada zaman awal persekolahan sehingga ke peringkat Universiti. Pameran juga memperlihatkan kepada generasi sekarang sumbangan seorang tokoh ulama yang berwibawa yang telah menyumbang jasa berupa bahan ilmu yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja dalam satu lingkungan sebuah negeri kelahirannya Johor, malah sehingga menyusur ke Negara Brunei Darussalam memberi khidmat bakti semata-mata kearah menegakkan syariat Islam, sehingga namanya dikenali sebagai seorang ulama nusantara. Legasi Allahyarham kekal sehingga sekarang yang sebahagian besarnya menjadi bahan kajian dan rujukan. Allahyarham merupakan ulama besar yang diberi pengiktirafan yang tinggi oleh Kerajaan Brunei dengan dikurniakan beberapa gelaran serta penganugerahan tokoh Islam. Allahyarham berkhidmat sehingga akhir hayatnya, jasa Allahyarham telah diberi penghormatan dengan disemadikan di Makam Diraja Brunei".



ketegasan di dalamannya adalah hasil asuhan keluarga yang berpendidikan agama lagi berpegang kuat kepada ajaran Islam. Ayah Allahyarham, Tuan Umar Abdul Aziz bin Haji Ahmad atau digelar "Faqeh Umar"

Pegawai Tugas-Tugas Khas
Kanan, selaku Setiausaha /
Ketua Urusetia Majlis Tertinggi
Melayu Islam Beraja, Dr. Haji
Muhammad Hadi bin
Muhammad Melayong.



"ALLAHYARHAM seorang tokoh yang mementingkan kecintaan kepada ilmu untuk dipelajari dan diamalkan untuk ke kebahagiaan dunia dan akhirat bagi mendapat keredhaan-Nya. Menekankan kepentingan tuntutan kepada ilmu hanyalah semata-mata untuk menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala, di samping mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak khususnya dari segi ajaran Islam, kewajipan kepada ketua keluarga, institusi, negara dan individu dan menggalakan berdo'a sebagai senjata utama orang Islam, mengamalkan sembahyang sunat dhua, tahajjud dan tahayatul masjid. Sumbangan pentingnya kepada pembentukan dan perkembangan ugama secara formal di Brunei pengukuhan dan pengamalan dan penghayatan Melayu Islam Beraja adalah hasil dari buah fikiran, nasihat dari Allahyarham dalam pelbagai jawatan yang pernah dipegangnya khususnya Mufti. Allahyarham pelita ummah bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam".

merupakan seorang tokoh agama terkenal Melayu Melaka dan Jawa. Lahir di Kampong Rengit, Batu Pahat, Johor pada tahun 1329 Hijrah bersamaan dengan tahun 1911 Masihi merupakan anak kedua daripada empat orang adik beradik. Allahyarham melangsungkan

Dr. Nurol Huda binti
Allahyarham Pehin Datu Seri
Maharaja Dato Seri Utama (Dr.)
Awang Haji Ismail bin Umar
Abdul Aziz



"ALLAHYARHAM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz merupakan bapa teladan. Allahyarham meletakkan ilmu sebagai asas dalam pendidikan anak-anaknya dan menanamkan ke dalam jiwa anak-anak kecintaan terhadap ilmu. Ilmu yang dipelajari, lantas diamalkan adalah ilmu yang bermanfaat melahirkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Hasil penulisanannya diagihkan kepada anak-anak seperti fatwa, artikel dan petikan zikir dan doa bagi amalan harian sama ada berbentuk cetakan, stensil dan tulisan tangan. Tulisan tangannya menggunakan huruf jawi. Allahyarham meluangkan masa bagi mencurahkan ilmu yang ada kepada mereka, di samping tugas rasmi di pejabat. Selepas menunaikan solat Maghrib berjemaah, anak-anak mengaji Al-Qur'an dan diikuti dengan mengulangkaji pelajaran. Pada hari kelepasan awam, Allahyarham mengajar anak-anaknya ilmu bahasa Arab, kajian hadith, fiqh dan lain-lain".

perkahwinan dengan Yang Mulia Datin Seri Setia Ustazah Hajah Kamaliah binti Ulama Kiyai Haji Mohammad Fadhullullah Suhaimi pada tahun 1955 dan dikurniakan 11 orang anak dan empat daripadanya telah kembali ke rahmatullah.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu dan Sekolah Al-Quran Kerajaan Johor (1919-1923) dan kemudian menuntut di

Pg. Haji Ibrahim bin Pg. Haji
Bakar, Konsultan Pameran
Tokoh Antarabangsa



"PAMERAN yang berkonsepkan bagi menegakan beberapa elemen rekabentuk Masjid Negara kedua buah negara, di samping reka bentuk kontempori yang menjurus kepada kesenian Melayu Nusantara. Galeri berkenaan antara lain memperlihatkan potret dua Sultan iaitu Sultan Brunei dan Johor menjunjung kasih atas limpah kurnia dua Raja memperkenalkan pameran tersebut dilaksanakan; Raja berdamping dengan ulama, hubungan istimewa antara Kerajaan Johor Darul Ta'zim dan Negara Brunei Darussalam terjalin sejak kurun Ke-14, apabila Sultan Brunei pertama memeluk ugama Islam setelah berkahwin dengan Puteri dari Johor dan seterusnya memerintah Negara Brunei Darussalam. Dalam galeri juga mengandungi Raja Brunei dan Johor mengambil berat pendidikan ugama Islam, tokoh Melayu Nusantara dan Riwayat hidup Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Ismail".

Sekolah Arab Al-Attas, Johor Bahru (1923-1928). Setelah menamatkan pengajian di Sekolah Arab Bahru sehingga tahun 1937. Dalam tahun 1938, beliau dikurniakan biasiswa oleh Kerajaan Johor untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar dan Universiti Kaherah, Mesir (sehingga 1948) dan berjaya memperolehi tidak kurang daripada lima ijazah tinggi dari lima fakulti pengajian di universiti-universiti berkenaan. Pada 25 September 1991, beliau dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat Undang-Undang daripada Universiti Brunei Darussalam.

Di antara sumbangan beliau berharga dan penting menjadi panduan hidup umat Islam ialah penghasilan fatwa-fatwa. Sejak tahun 1962 (tidak termasuk 1965-1967) sehingga akhir hayatnya, adalah dianggarkan lebih 600 fatwa (tidak termasuk fatwa yang dihasilkan ketika berkhidmat di Johor) telah dihasilkan. Kesemua fatwa itu berasaskan Mazhab Syafie daripada segi Fiqh dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah daripada segi Aqidah.

Allahyarham Pehin adalah tokoh ugama dan ulama yang terkenal dan dikagumi bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam bahkan di negara-negara Islam lainnya. Allahyarham berjasa dalam memperkembangkan dan mengukuhkan syiar dan pendidikan Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam. Melalui fatwa-fatwa, Allahyarham turut membentuk dengan berkesan kehidupan semua peringkat masyarakat beragama dalam pelbagai bidang di negara ini. Kewibawaan dan kepakarannya dalam bidang ilmu agama tidak dapat dinafikan kerana Allahyarham sering menjadi tumpuan untuk menghuraikan masalah keagamaan.

Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan
Mufti Kerajaan, Dr. Haji Japar
bin Haji Md Dain @ Maidin



"SEPANJANG menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz telah mengeluarkan sebanyak 1525 siri fatwa termasuk 77 siri Fatwa berturut-turut yang menyentuh pelbagai bidang berkaitan dengan kehidupan seharian, kepercayaan, amalan seharian masyarakat dan seumpamanya. Allahyarham dalam mengeluarkan fatwanya memberikan penjelasan hukum kepada orang yang bertanya dan metode yang digunakan oleh Allahyarham dalam menetapkan hukum yang difatwakannya terutama penghuraian mengenai sumber-sumber yang menjadi rujukan Allahyarham dan pendapat-pendapat para ulama yang dicenderunginya".

OSBD anjurkan makan malam

Oleh : Muhammad Hidayatullah Zahari
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Bersempena Mesyuarat Saintifik Ortopedik Dwitahunan Ke-2 yang akan diadakan pada 10 Mei ini, Majlis Makan Malam telah diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun bagi mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Presiden Pertubuhan Ortopedik ASEAN ke negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan

Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Dalam ucapan alu-aluan, Yang Berhormat berharap agar penceramah-penceramah akan dapat berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang ini pada mesyuarat itu nanti.

Mesyuarat tersebut dikendalikan oleh Persatuan Ortopedik Brunei Darussalam (OSBD) yang akan

diadakan di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club bertemakan 'Staying In Motion – Key to Good Health'.

Tetamu kehormat pada mesyuarat itu nanti ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Mesyuarat itu nanti akan membincangkan mengenai masalah-masalah ortopedik dan muskuloskeletal biasa. Seramai 230 peserta dijangka akan menghadiri mesyuarat tersebut termasuk doktor, Profesional Kesihatan Bersekutu dan jururawat.



MENTERI Kesihatan menyampaikan cenderamata kepada sebahagian daripada Ahli-ahli Presiden Pertubuhan Ortopedik ASEAN (atas dan bawah).



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof bergambar ramai bersama Ahli-ahli Presiden Pertubuhan Ortopedik ASEAN.



Makan Malam sempena Hari Ibu



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman memukul gong bagi merasmikan Malam Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Hari Ibu anjuran ekspatriat Bangladesh di negara ini.

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Hari Ibu diadakan oleh ekspatriat Bangladesh di negara ini berlangsung di Dewan Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Majlis resepsi dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat oleh Maksud Amin.

Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdul Hye, seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan yang antara lain meluahkan ucapan penghargaan atas kehadiran Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ke majlis itu dan mengucapkan terima kasih kepada masyarakat peniaga Bangladesh serta ekspatriat dengan sumbangan hingga berjaya majlis tersebut.

Tetamu kehormat juga menerima bunga dan memukul gong bagi merasmikan malam resepsi tersebut.

Acara kemuncak ialah pemohtongan kek sempena Sambutan Hari Ibu oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam dan isteri bersama beberapa orang ibu yang menjadi ahli kepada komuniti Bangladesh yang berada di negara ini.

Kempen Kebersihan kawasan Pekan Bangar

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mei. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Bangar dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong (JDT) telah

mengadakan Kempen Kebersihan Kawasan Pekan Bangar bermula dari pembersihan kawasan kedai Pekan Bangar, Tamu Muhibbah Aneka Selera



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah serta Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ketika menyertai Kempen Kebersihan Kawasan Pekan Bangar.

dan kawasan bangunan Kompleks Bumiputera Pekan Bangar.

Kempen disertai oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Juga menyertai kempen tersebut ialah Penghulu Mukim Bangar, ahli-ahli MPM Bangar dan penduduk kampung sekitarnya, para peniaga bumiputera dan rakyat jati serta para pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini.

Selain itu kempen yang juga termasuk membersihkan longkang-longkang dan pengutipan sampah-sarap ini turut melibatkan beberapa agensi kerajaan di daerah ini termasuklah Operasi 'G' Pasukan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta persatuan beruniform.

Kempen merupakan salah satu rancangan kerja tahunan JDT yang mana kempen seumpama ini diterapkan mengikut penjadualan yang dimasukkan dalam program aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong.

Kursus Jahitan dan Kraf Tangan kini dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei.- Bahagian Pendidikan Komuniti / Lanjutan Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Kursus Pendek kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang

ditawarkan ialah Kursus Jahitan dan Kraf Tangan seperti lipatan sinjang dan dasar, hiasan hantaran perkahwinan, jahitan baju cara Melayu, menjahit tudung Lycra Spandex, jahitan langsir, jahitan sarung kerusi, sarung tilam dan bantal, gubahan bunga dan membaiki kasut.

Bagi pertanyaan lebih lanjut

mengenai Kursus Jahitan dan Kraf Tangan bolehlah menghubungi Dayang Alyani binti Haji Ismail melalui talian 2422493 sambungan 216.

Jika berminat sila ambil borang dan membuat pembayaran semasa waktu dan hari bekerja tidak lewat 14 Mei 2015.

Mertua tiri dengan menantu tiri : Adakah *mahram*?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam keatas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGETAHUI atau mengenali orang-orang yang dikategorikan sebagai *mahram* dan bukan mahram adalah amat penting kerana terdapat perbezaan batasan hukum terhadap keduanya. *Mahram* ialah orang lelaki atau perempuan yang haram dinikahi menurut hukum syara' kerana hubungan nasab (keturunan), sesusuan dan perkahwinan.

Perempuan *mahram* kerana hubungan nasab ada disebutkan secara detel dalam al-Qur'an, maka untuk memudahkan disebutkan satu persatu seperti berikut :

1. Emak kandung, termasuk nenek dan seterusnya keatas.
2. Anak perempuan kandung, termasuk cucu dan seterusnya kebawah.
3. Adik beradik perempuan seibu sebapa.
4. Adik beradik perempuan sebapa.
5. Adik beradik perempuan seibu.
6. Emak saudara sebelah bapa (adik-beradik bapa) dan seterusnya keatas.
7. Emak saudara sebelah ibu (adik-beradik ibu) dan seterusnya keatas.
8. Anak perempuan dari adik-beradik lelaki mahupun dari adik-beradik perempuan (anak-kemanakan).

Perempuan *mahram* kerana saudara sesusuan adalah sama pembagiannya dengan perempuan *mahram* kerana keturunan, persamaan ini adalah berdasarkan sebuah hadis Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha:

Maksudnya : "Dilarang untuk dinikahi saudara (adik-beradik) perempuan sesusuan sebagaimana dilarang untuk dinikahi saudara perempuan kerana keturunan."

(Hadis riwayat Muslim)

Manakala perempuan *mahram* kerana perkahwinan juga jelas disebutkan dalam al-Qur'an seperti berikut :

1. Emak mertua.
2. Anak menantu.
3. Emak tiri.
4. Anak tiri.

Apa yang jelas ialah ikatan perkahwinan boleh membuatkan seseorang itu menjadi *mahram*, namun timbul persoalan adakah antara emak mertua tiri dengan menantu lelaki tirinya atau sebaliknya bapa mertua tiri dengan menantu perempuan tirinya dikategorikan

sebagai *mahram*?

Mungkin sebilangan orang mempunyai tanggapan bahawa hubungan emak mertua tiri iaitu emak tiri kepada isteri dengan menantu lelaki tirinya seolah-olah sama dengan hubungan emak mertua kandung iaitu emak kandung kepada isteri dengan menantu lakinya.

Begitu juga sebaliknya menantu lelaki tiri juga mungkin tidak mengetahui dan beranggapan bahawa apabila dia sudah berkahwin dengan seorang perempuan yang mempunyai emak tiri maka emak tiri isterinya itu atau emak mertua tirinya itu dianggapnya juga sebagai *mahram* disebabkan perkahwinan.

Begitu juga halnya jika berlaku sebaliknya antara bapa mertua tiri dengan anak menantu perempuan tirinya.

Persoalannya, adakah tanggapan-tanggapan yang disebutkan itu betul? Maka akan dijelaskan dengan lebih lanjut adakah mertua tiri termasuk dalam kategori *mahram* kepada menantu tirinya?

Siapa Mertua Tiri Dan Siapa Menantu Tiri?

Untuk memudahkan fahaman, maka akan diterangkan terlebih dahulu siapakah yang dimaksudkan dengan emak mertua tiri dan menantu tiri?

Pada dasarnya, apabila seseorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan, maka hubungan bapa kandung dan emak kandung perempuan itu jika dinisbahkan kepada suami perempuan itu akan menjadi sebagai bapa mertua kandung atau emak mertua kandung.


Namun berbeza keadaannya jika bapa perempuan atau emak perempuan itu berkahwin baru, kerana isteri bapa perempuan yang baru itu ataupun suami emak perempuan yang baru itu akan menjadi bapa tiri atau emak tiri kepadanya. Maka hubungan bapa tiri atau emak tiri perempuan itu jika dinisbahkan kepada suami perempuan itu akan menjadi sebagai bapa mertua tiri ataupun emak mertua tiri.

Begitulah gambaran bagaimana boleh terjadinya bapa mertua tiri atau emak mertua tiri dan anak menantu lelaki tiri atau anak menantu perempuan tiri.

Adakah Sama Antara Mertua Kandung Dengan Mertua Tiri Dan Antara Menantu Kandung Dengan Menantu Tiri?

- Perbezaan mertua kandung dengan mertua tiri

Terdapat perbezaan antara bapa mertua kandung dengan bapa mertua tiri dan antara emak mertua kandung dengan emak mertua tiri



sebagaimana diterangkan sebelum ini.

Apabila berlaku perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, maka bapa kandung lelaki itu akan menjadi mahram kepada isterinya kerana dikira sebagai bapa mertua kandung kepada isteri. Begitu juga sebaliknya emak kandung perempuan itu akan menjadi mahram kepada suaminya kerana dikira sebagai emak mertua kandung kepada suami.

Al-Qur'an al-Karim telah menyebutkan kedudukan emak mertua kandung sebagai salah seorang mahram disebabkan perkahwinan. Perkara ini jelas sebagaimana Allah Ta'ala berfirman :

Tafsirnya : "Dan emak-emak kepada isteri-isteri kamu (emak mertua termasuk nenek perempuannya) ..."

(Surah an-Nisa : 22)

Namun tidaklah sama halnya jika seorang lelaki itu berkahwin dengan seorang perempuan yang mempunyai emak tiri, kerana walaupun setelah lelaki dan perempuan itu berkahwin, emak tiri perempuan itu tidaklah menjadi mahram kepadanya, begitu juga jika berlaku sebaliknya seorang perempuan berkahwin dengan seorang lelaki yang mempunyai bapa tiri, bapa tiri lelaki itu juga tidak menjadi mahram kepada perempuan itu.

Bahkan seorang lelaki boleh mengahwini emak mertua tirinya jika berlaku perceraian atau kematian kepada bapa isterinya sepertimana

disebutkan dalam kitab al-Hawi al-Kabir seperti berikut :

Ertinya : "(Bagi tujuan untuk dijadikan isteri) tidak mengapa bagi seorang lelaki menghimpunkan seorang perempuan dengan (bekas) isteri bapa perempuan itu (iaitu bekas emaktiri perempuan itu) atau (dengan bekas) isteri anak lelaki perempuan itu, dan menghimpunkan seorang perempuan dengan anak tiri perempuan itu, kerana di antara mereka tidak ada ikatan nasab."

(Kitabal-Hawi al-Kabir: 11/292)

Justeru itu, kedudukan mertua kandung adalah tidak sama dengan mertua tiri. Hubungan mertua kandung dengan menantu kandungnya adalah hubungan mahram muabbad (selama-lamanya). Manakala hubungan mertua tiri dengan menantu tiri adalah *ajnabi* (orang asing).

- Perbezaan menantu kandung dengan menantu tiri

Begitu juga terdapat perbezaan antara menantu lelaki kandung dengan menantu lelaki tiri dan antara menantu perempuan kandung dengan menantu perempuan tiri.

Apa yang jelas ialah isteri bagi anak kandung (menantu kandung) adalah mahram muabbad sementara isteri bagi anak tiri (menantu tiri) adalah *ajnabi*.

Menantu yang dikira sebagai mahram muabbad sebagaimana disebutkan dalam Al-Qur'an al-Karim itu ialah isteri dari anak kandung, bukan isteri dari anak tiri. Untuk lebih jelas disebutkan sekali lagi ayat tersebut, firman Allah Ta'ala :

Tafsirnya : "Dan (haram kamu berkahwin dengan bekas) isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu (termasuk isteri cucu)."

(Surah an-Nisaa' : 23)

Syeikh al-Khatib Asy-Syarbini rahimahullahu Ta'ala menyatakan dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj bahawa isteri daripada anak angkat samalah juga dengan isteri anak tiri tidaklah termasuk kategori mahram, dan tidak haram mengahwiniya selepas dia bercerai dengan suaminya. Maka untuk lebih jelas dibawakan nash dari kitab Mughni al-Muhtaj tersebut :

Ertinya : "Tidak termasuk (daripada kategori mahram itu) ialah isteri anak angkat (termasuk juga isteri anak tiri), maka tidak haram keatas seseorang (mengahwini bekas) isteri anak-angkanya kerana anak angkatnya itu bukanlah anaknya sebenar."

(Kitab Mughni al-Muhtaj : 12/243)

Berdasarkan penjelasan itu jelaslah bahawa mertua tiri dan menantu tiri tidaklah ada ikatan mahram dan hubungan antara keduanya adalah seperti hubungan bersama dengan orang asing.



HARTA benda dan wang ringgit, adakah perkara ini boleh menjamin kebahagiaan kepada kita? Di era globalisasi masa kini, perkara inilah yang dikejar-kejar oleh manusia, kerana bagi manusia tanpa harta mereka tidak boleh hidup. Manusia semakin tamak dan segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup semuanya memerlukan duit, semakin lama keperluan harian semakin mahal.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashashat 73 :

"Dan antara rahmatNya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat padanya (waktu malam) dan dapat mencari rezeki daripada limpah kurniaNya (pada waktu siang) dan mudah-mudahan kamu bersyukur."

Dalam erti kata lain, tidak salah untuk kita mencari harta untuk keperluan kita sehari-hari dan harus kita mensyukuri segala nikmat dan rezeki yang diberikan kepada kita. Harta dunia adalah nikmat daripada Allah Subhanahu WaTa'ala kepada manusia sebagai pinjaman. Memang ianya boleh memberikan kita kebahagiaan di dunia yang sementara, selagi mana harta itu kita gunakan di jalan yang

Harta dunia

diperintahkan oleh Allah. Misalnya, untuk menafkahi keluarga, membayar zakat, menunaikan haji jika mampu, bersedekah dan amalan-amalan yang mendatangkan pahala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al-Mulkayat 15 :

"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan) maka berjalanlah dimerata-rata ceruk rantainya serta makanlah sebahagian rezekiNya dan kepadaNya lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan."

Justeru itu, Allah sentiasa mengingatkan manusia agar tidak menjadi manusia yang sombongkan kekayaan dan harta sepertimana yang telah disebutkan dalam kisah Qarun yang akhirnya dibenamkan kedalam bumi bersama harta kekayaannya. Kisah ini ada disebutkan di dalam al-Qur'an sebagai pengajaran bagi sekalian manusia supaya menjauhkan diri dari sifat sombong, bongkak dengan harta kekayaan, pangkat dan kekuasaan.

Maka dengan itu dengan adanya harta dunia itu, secara tidak langsung ia boleh membahagiakan kita di dunia, malah mendapat pahala untuk kebahagiaan di akhiratjuga, kerana harta itu hanya milik di dunia, tidak untuk di akhirat. Dan rezeki yang diturunkan oleh Allah kepada hamba-hambaNya juga sudah ditetapkan, kerana

dalam Surah asy-Syuraayat 27 :

"Dan kalaulah Allah meluaskan kurnia rezeki kepada hamba-hambaNya, tentulah mereka akan berlaku zalim dibumi, tetapi Allah menurunkan (rezekiNya itu) dengan kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendakiNya. Sesungguhny Dia Maha Teliti lagi Maha Melihat hamba-hambaNya."

Orang ramai dijemput hadiri Nadwah Shafi'iyah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA akan mengadakan Nadwah Shafi'iyah pada Rabu ini (13 Mei), pukul 9.00 pagi, bertempat di Auditorium UNISSA.

Tajuk Nadwah Shafi'iyah ialah 'Ekstremisme dan Wasatiyyah Dari Kaca Mata Islam', panel Nadwah terdiri daripada Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pengarah Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Wal Jamaah, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo dan Ahli Sekretariat Kumpulan Pemulihan Agama Singapura, Mohammad Mubarak Habib Mohammed. Sementara majlis akan dipengerusikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Antara objektif Nadwah berkenaan ialah mencambah fikiran secara ilmiah berdasarkan bukti dan dalil terhadap suatu isu yang melanda umat Islam, mendedahkan pendapat Fuqaha Mazhab Shafi'i kepada orang ramai tentang isu yang berkaitan dan memelihara kewujudan dan memastikan Islam berlandaskan pandangan Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam akan terus utuh.

Nadwah ini terbuka kepada orang ramai dan keterangan lanjut mengenai Nadwah ini, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang <http://www.unissa.edu.bn> atau menghubungi Sekretariat Nadwah Shafi'iyah melalui talian 8626775 / 8642413.

Persatuan Kesihatan Bersekutu (AHA) dilancarkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof melancarkan Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association - AHA) dan Forum Allied Health.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Pelancaran Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association - AHA) dan Forum Allied Health, berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan persatuan tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kementerian Kesihatan, Awang Mohammad Sabri bin Haji Anuar dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, AHA mula didaftarkan dan mendapat kebenaran penubuhannya secara rasmi pada Rabu, 31 Disember 2014.

Jelasnya, persatuan ini mempunyai 11 orang ahli Majlis Eksekutif (Executive Council) yang terdiri

daripada pegawai-pegawai kanan dan Allied Health Professionals (AHP) Kementerian Kesihatan, sebagai pengasas persatuan.

Beliau menjelaskan, satu perlembagaan Allied Health Association Constitution telah diwujudkan yang mana menggariskan penubuhan persatuan profesional kesihatan, yang menggabungkan AHP secara kolektif, termasuk urusan tadbir dalam melaksanakan tugas dan peranannya.

Tambahnya, antara tujuan serta objektif persatuan ini ditubuhkan adalah bagi mempromosi dan menggalakkan pengamalan profesi *allied health* di Negara Brunei Darussalam, di samping mempromosikan dan mengekalkan piawaian (*standard*) etika profesional di kalangan AHP.

Selain itu jelasnya, bagi menyelenggara dan mengeratkan usahasama dan kesepaduan antara ahli persatuan serta menggalakkan percambahan fikiran dan idea atau

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

pendapat yang berkaitan dengan bidang profesi *allied health*, di samping menggalakkan piawaian latihan dan kompetensi AHP.

"Adalah juga menjadi tujuan persatuan ini supaya dapat mengumpulkan pakar-pakar dalam bidang *allied health* untuk menjadi satu *think tank* yang boleh menjana idea-idea yang berinovasi, penggerak pembaharuan serta kemajuan dan *implementers* dalam melaksana inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada meningkatkan kualiti serta memperkembangkan lagi perkhidmatan *allied health* di Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Beliau berkata, moto bagi persatuan ialah berupa akronim 'R.E.A.C.H for Excellence in Allied Health', iaitu R - Respect, iaitu menghormati klien di mana setiap ahli persatuan perlu memperbaiki diri sendiri supaya lebih berintegrasi dan mempunyai sikap menghormati klien tanpa mengira umur, jenis, bangsa, kaum ataupun agama.

E - Engage pula, katanya, iaitu penglibatan setiap ahli persatuan dalam meningkatkan pembelajaran (dan kemahiran) dan mengongkakan idea dan fikiran, di samping melibatkan diri (serta penglibatan) kepada masyarakat dalam mempromosikan AHP, manakala A - Action, iaitu Bertindak di mana setiap ahli persatuan mestilah sentiasa (secara) proaktif dalam memperbaiki diri mereka sendiri dengan penuh semangat untuk mencapai semua matlamat.

Menyentuh mengenai C - Collaborate, iaitu bekerjasama tambahnya, setiap ahli persatuan adalah digalakkan untuk bekerjasama dalam semua bidang kerja atau usaha

dan H - Holistic iaitu setiap persatuan perlu mengadaptasikan pendekatan secara holistik dalam memberikan perkhidmatan kepada klien.

Beliau menyatakan, forum tersebut mengupas topik perbincangan, iaitu 'R.E.A.C.H for Professionalism and Ethical Standards', topik ini sangat bertepatan dengan aspirasi serta matlamat persatuan dan sangat relevan bagi semua peringkat merentasi semua domain penjagaan kesihatan.

"Kepentingan profesionalisme dan beretika dalam melaksanakan tugas termasuk imej sebagai seorang profesional dalam profesi masing-masing yang memegang prinsip seperti integriti dan akuntabiliti," ujarnya.

Menyentuh mengenai dengan prinsip integriti dan akauntabiliti, kedua-dua prinsip ini, tegasnya adalah amat penting dan perlu dihayati serta dijadikan budaya dan amalan oleh warga AHP khasnya dan segenap lapisan warga kakitangan kesihatan, dalam menggalas amanah dan tanggungjawab yang dilaksanakan.

Tambahnya, prinsip-prinsip ini memainkan peranan yang amat penting terutama dalam usaha ke arah peningkatan imej dan kualiti sesebuah organisasi malahan, ianya merupakan pra syarat utama bagi mendapatkan keyakinan dan kebolehppercayaan *stakeholders* dan orang awam ke atas perkhidmatan yang diberikan.

Kecemerlangan atau kejayaan itu, ujarnya, bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai tanpa perjuangan gigih serta pengorbanan masa, tenaga dan keringat di mana setiap Ahli-Ahli Persatuan dan AHP pasti ingin mencipta kecemerlangan dalam kerjaya mahupun dalam hidup, namun tidak semua di antara kita yang sanggup menyingsing lengan, turun

padang dan menongkang arus cabaran yang mendatang.

Justeru itu, jelasnya, sudah sampai masanya untuk AHP bersatu dan bersama-sama mengorak langkah dan terus maju serta berani untuk melakukan transformasi dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Dengan ini, beliau mempelawa semua warga AHP supaya bersama mendukung usaha-usaha ke arah kemajuan yang berinovasi, yang memajukan profesi serta meningkatkan lagi profesionalisme, meningkatkan akauntabiliti dan membentuk integriti serta imej yang lebih mantap.

Kerana jika sekiranya ciri-ciri ini wujud dalam setiap individu, tambahnya, sudah semestinya pelbagai cabaran yang dihadapi akan dapat diselesaikan dengan lebih mudah.

Sementara itu, Forum Allied Health mengundang pemudah cara forum, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Dr. Haji Osmali bin Haji Osman bersama ahli-ahli panel yang terdiri daripada Pegawai Kajimata (Orthoptist), Ketua Piawaian Latihan dan Pengamalan, Dr. Siti Nurliyana binti Abdullah; Ketua Pengurusan Aduan dan Disiplin, Dayang Suhara Fazida binti Haji Md. Yusop dan Jurupuluh Cara Kerja (Occupational Therapist); Ketua Tadbir Urus dan Pentadbiran, Han Burt Lee.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai persatuan tersebut bolehlah melayari Facebook *Allied Health Association* dan mengikuti Instagram: @alliedhealthassociation atau menghantar e-mel ke interimcomm.bahpc@moh.gov.bn

Mengurus pesakit secara berpasukan diutamakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Dalam era perkembangan penjagaan kesihatan hari ini, Kementerian Kesihatan amat menekankan betapa pentingnya usahasama dan kerja berpasukan atau *multidisciplinary teamwork* secara berintegrasi di antara profesional kesihatan seperti doktor, jururawat dan Allied Health Professional (AHP) bagi rawatan pesakit dan bukannya secara individu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, kesepaduan bagi mencapai keputusan yang terbaik dalam pengurusan pesakit melalui kerja berpasukan atau *teamwork* adalah amat dititikberatkan dan utamakan di mana ianya perlu dijadikan budaya kerja seharian lebih-lebih lagi dalam pengurusan penjagaan dan perawatan pesakit.

Di samping itu, menurut Yang Berhormat, ianya juga membolehkan perkongsian maklumat secara *transparent* dan seterusnya membincangkan bagi mencapai keputusan mengikut kaedah amalan yang terbaik yang berasaskan bukti.

"Dengan pendekatan bekerja berpasukan sedemikian telah diguna pakai sebagai amalan terbaik kerana terbukti menghasilkan penyampaian perkhidmatan dan rawatan yang tepat, lebih efektif, efisien dan yang terbaik untuk pesakit," ujar Yang Berhormat semasa berucap melancarkan Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied

Health Association - AHA) dan Forum Allied Health berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dari aspek perkembangan infrastruktur, AHP memainkan peranan penting dalam mengendalikan serta menerajui perkhidmatan serta perkembangan teknologi kesihatan dan pembangunan sistem penjagaan kesihatan yang mantap.

Ia termasuk sumbangan dan penglibatan mereka dalam mengorak hala tuju perancangan strategik serta melaksana inisiatif-inisiatif strategi tersebut dalam sama-sama mendukung Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan bagi Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan, penerapan profesionalisme, iaitu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk melaksanakan tugas serta mengamalkan etika kerja yang baik adalah penting.

Secara klinikal, profesionalisme, jelas Yang Berhormat, merupakan asas jaminan kepercayaan di antara pesakit dan orang awam kepada perawat, manakala nilai-nilai etika mendukung ciri-ciri dan perlakuan seseorang AHP seperti menghormati autonomi seorang individu, mempromosikan penjagaan yang terbaik kepada seorang individu, mengelakkan kemudaratan kepada pesakit atau klien dan mendukung keadilan yang saksama apabila memberikan perkhidmatan.

Bersempena pelancaran AHA,

tambah Yang Berhormat, forum yang bertemakan 'R.E.A.C.H for Professionalism and Ethical Standards', ini adalah amat bertepatan dengan objektif penubuhan persatuan ini.

Yang Berhormat berharap forum berkenaan dapat menghuraikan komponen-komponen penting sebagai panduan bagi ahli-ahli persatuan untuk mencapai profesionalisme dan menjadi seorang AHP yang lebih profesional dan beretika, di samping menimba pengetahuan dan lebih-lebih lagi yang dapat diaplikasikan dalam kerja seharian.

"Saya berpendapat forum ini bertindak sebagai *platform* untuk mengukuhkan serta meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Ianya juga boleh dijadikan sebagai peluang

bagi mengadakan dialog dan mengongkakan maklumat dan pengalaman secara berterusan mengenai aspek-aspek mengembang maju peluang penyelidikan saintifik, usahasama dalam menjana aktiviti-aktiviti yang berkebajikan melalui kolaborasi atau *networking* bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam tetapi juga melangkau di rantau antarabangsa, di samping mempromosi pelbagai bidang profesion masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Dengan wujudnya kesepakatan dan dedikasi ahli-ahli AHA, Yang Berhormat berasa yakin persatuan ini berkeupayaan untuk menyumbang dan memberikan nilai tambah ke arah meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme AHP untuk menjadi aset bukan sahaja kepada Kementerian Kesihatan tetapi juga kepada negara

dalam bersama-sama berperanan memantapkan dan mengukuhkan lagi perkhidmatan dan penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Yang Berhormat berharap agar AHA dan kesemua AHP akan dapat menyumbang dan bersama-sama bertanggungjawab untuk memartabatkan dan menaikkan imej serta nama baik profesion masing-masing bagi meningkatkan lagi keyakinan dan kepenyuhpercayaan *stakeholders* serta orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat, berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga kesemua warga AHP akan sentiasa dikurniakan rahmat, taufik, serta ganjaran pahala yang sebaik-baiknya atas sumbangan, khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan.



FORUM Allied Health mengundang pemudah cara forum, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Dr. Haji Osmali bin Haji Osman bersama ahli-ahli panel yang terdiri daripada Pegawai Kajimata (Orthoptist), Ketua Piawaian Latihan dan Pengamalan, Dr. Siti Nurliyana binti Abdullah; Ketua Pengurusan Aduan dan Disiplin, Dayang Suhara Fazida binti Haji Md. Yusop dan Jurupuluh Cara Kerja (Occupational Therapist); Ketua Tadbir Urus dan Pentadbiran, Han Burt Lee.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menandatangani kain rentang sempena Majlis Pembukaan Rasmi Bintudoh Greenspring Resort di Kampung Lamunin.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 10 Mei. - Bintudoh Greenspring Resort yang terletak di Lamunin, Tutong berkonsepkan alam semula jadi dan *eco-village* berpotensi untuk dikembangkan sebagai produk destinasi pelancongan.

Pembukaan Bintudoh Greenspring Resort dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan rombongan menyertai Peraduan Memancing VIP pada majlis tersebut.

Bintudoh Greenspring Resort berpotensi dikembangkan

Terdahulu, bacaan Surah Al Faatihah dan doa dan seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pengurus Bintudoh Greenspring Resort, Awang Newas bin Ukoi, selaku Pengerusi Majlis.

Antara acara yang diadakan pada majlis tersebut ialah persembahan Budaya Gong 3, iaitu dari masyarakat Dusun, Kedayan dan Tutong, persembahan tarian dan lagu-lagu budaya, penyampaian sijil kepada wakil belia dan beliawanis Bintudoh Greenspring Resort, jualan bazar, Pameran IKIP dan aktiviti-aktiviti masyarakat serta penanaman pohon buah-buahan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.

Dengan adanya Bintudoh Greenspring Resort ini akan menepati visi Majlis Perundangan Kampung (MPK) Lamunin untuk memperkenalkan Kampung Lamunin sebagai tempat destinasi taman riadah yang berkonsepkan 'Agro Tourism'.

Bintudoh Greenspring Resort pada asalnya adalah satu kebun buah-buahan di sekitar tahun 1996 dan setelah beberapa tahun tempat ini bertukar menjadi tempat yang menjadi tumpuan orang ramai pada tahun 2012 (Disember) berikutan kunjungan sekumpulan 30 belia yang menyertai program Survival Camp yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan.

Bermula dari situ, tempat ini dikenali oleh orang ramai dan sehingga ke masa ini telah menjangkau kira-kira lebih 50 buah program termasuk acara yang melibatkan jumlah pengunjung yang ramai seperti Pesta Durian (Pesta Buah-Buahan) Lamunin 2014 dan Sambutan Adau Gayoh 2014.

Diusahakan oleh Awang Newas dan dibantu oleh ahli keluarga beliau.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan secara dekat demonstrasi menghias sarung parang oleh penduduk setempat.

Resort yang berkeluasan 15 ekar ini dikekalkan konsepnya 'Alam Hijau' alam yang semula jadi.

Resort tersebut dibantu oleh belia-belie Kampung Lamunin dan juga kampung berhampiran dan dengan ini secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada belia-belie kampung ini.

MPK Lamunin berharap projek ini akan menjadi 'Development Product' yang akan berkembang dari semasa ke semasa, dan akan dapat melibatkan jumlah penglibatan yang ramai khususnya dari penduduk kampung ini sebagai lokasi yang boleh dimanfaatkan untuk kegiatan yang melibatkan jumlah yang berskala besar seperti acara-acara perayaan seperti Hari Raya, Adau Gayoh dan juga sebagai tempat yang sesuai bagi kegiatan untuk para belia-belie kampung ini khususnya.

Sebagai tempat lokasi yang berkonsepkan 'Agro Tourism' yang mana objektif pihak kami adalah bagi menyokong para pengusaha ladang

kampung ini.

Dan diharap melalui projek ini nanti, para pengusaha akan lebih berinovatif dalam mengusahakan ladang-ladang buah-buahan mereka kelak.

Majlis pembukaan rasmi resort tersebut diselenggarakan dengan Sambutan Adau Gayoh dan Hari Keluarga Mukim Lamunin 2015.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar dan Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrain bin Haji Mohd. Hussain; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, penghulu mukim, ketua kampung dan penduduk-penduduk kampung.

Pertandingan tausyeh wadah syiar Islam



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa dan Kumpulan Belia Masjid Senegara.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel Kampung Kiudang dan Masjid Zainab Kampung Lumut masing-masing muncul juara bagi Bahagian Lelaki (Dewasa) dan Bahagian Perempuan (Dewasa) pada Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa dan Kumpulan Belia Masjid Senegara yang berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Masjid Pengiran Muda 'Abdul

Wakeel, Kampung Kiudang berjaya mengutip markah sebanyak 85.5 peratus, manakala Masjid Zainab Kampung Lumut mengutip markah sebanyak 87.4 peratus.

Sementara itu, juara bagi Bahagian Belia Masjid dan Bahagian Beliawanis Masjid masing-masing dimenangi oleh Masjid Hassanil Bolkiah, Tutong dengan mengutip markah sebanyak 88.3 peratus dan Balai Ibadat Mukim Saba sebanyak 89.8 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat dan

seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang juga selaku Pengerusi majlis berkata, tujuan Pertandingan Tausyeh ini diadakan untuk mencungkil bakat ahli jawatankuasa dan Muslimah masjid dan kumpulan belia serta beliawanis masjid bagi terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu tausyeh Arab.

Tambahnya, dengan secara tidak langsung para peserta dapat mempelajari bahasa Arab melalui lagu-lagu tausyeh yang dipertandingkan, lebih-lebih lagi kalimah-kalimah Arab ini mengandungi zikir-zikir, selawat-selawat dan doa-doa.

Pertandingan tausyeh ini juga jelasnya, adalah untuk menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, di samping sebagai salah satu usaha untuk menjadikan masjid sebagai tempat perkumpulan masyarakat Islam dari pelbagai usia.

Sebanyak 32 buah kumpulan tausyeh telah berentap pada pertandingan yang telah diadakan selama dua hari bermula 9 Mei yang lalu.

Pertandingan yang diunkayahkan

oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid ini antara lain diadakan sebagai wadah menghidupkan syiar Islam melalui zikir tausyeh dan melahirkan semangat suka mengikuti pelbagai pertandingan yang berbentuk

keislaman.

Selain itu, pertandingan juga bertujuan untuk mengekal dan menghidupkan lagu-lagu tausyeh dalam kalangan masyarakat Islam agar tidak hilang ditelan zaman.

Minggu pertama Mei catat 185 kes

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memaklumkan bahawa pada minggu pertama bulan Mei 2015, iaitu 1 hingga 7 Mei 2015, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) telah mengambil tindakan ke atas para pemandu yang telah didapati melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas semasa mengadakan operasi penguatkuasaan mahupun semasa rondaan penguatkuasaan lalu lintas.

Pada minggu pertama bulan Mei 2015 ini, JSKLL telah mengadakan beberapa Operasi Penguatkuasaan Lalu Lintas yang mana hasil penguatkuasaan tersebut telah merekodkan sebanyak 185 kes atas pelbagai kesalahan lalu lintas, iaitu 169 kes dikendalikan di JSKLL, Gadong dan selebihnya 16 kes dikendalikan oleh JSKLL Cawangan Batu 3, Belait.

Sementara itu, sebanyak 58 kes kemalangan jalan raya telah dilaporkan di sepanjang minggu pertama bulan Mei 2015 ini termasuk satu kes kemalangan kereta dengan jentera berat (trak pembuang sampah) yang mengakibatkan kematian terhadap pemandu kereta.

PDB menekankan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang lalu lintas di negara ini, di samping sentiasa meningkatkan keselamatan dan berhati-hati semasa berada di jalan raya terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya akan memandu dengan berhati-hati serta berwaspada dan mematuhi peraturan lalu lintas yang dikuatkuasakan bagi mengelakkan kemalangan.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan- rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7(a) BIL. IKLAN 27/05/15

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 27 MEI 2015

1. PEGAWAI PENYELIDIK DAN PERKEMBANGAN B.2 ATAU B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN KEKOSONGAN = 1	2. PEMAIN MUZIK D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = 2	3. PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE D.3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 2
4. PENOLONG PENGGERAK JENTERA DIESEL D.2-3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 1	5. PEGAWAI KASTAM D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN KEKOSONGAN = 3	

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun Darussalam, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik sijil-sijil atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn, recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



**POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Jabatan Perkhidmatan Kewangan,
Politeknik Brunei,
Blok 2E, Kondominium Ong Sum Ping,
Jalan Ong Sum Ping,
Negara Brunei Darussalam

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
PB/ICT/Q/2015/006	THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, SETUP, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF IT EQUIPMENT AND RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR SCHOOL OF SCIENCE AND ENGINEERING, POLITEKNIK BRUNEI. (LUMUT CAMPUS)	\$10.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)	11/06/2015 (Tidak lewat jam 11.00 pagi)
PB/ICT/Q/2015/007	THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, SETUP, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF THE NETWORK INFRASTRUCTURE AND ENTERPRISE SECURITY FOR SCHOOL OF SCIENCE AND ENGINEERING, POLITEKNIK BRUNEI. (LUMUT CAMPUS)	\$10.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)	11/06/2015 (Tidak lewat jam 11.00 pagi)
PB/ICT/Q/2015/008	THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, SETUP, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF THE EDUCATIONAL NETWORK-BASED SOFTWARE FOR SCHOOL OF SCIENCE AND ENGINEERING, POLITEKNIK BRUNEI. (LUMUT CAMPUS)	\$10.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)	11/06/2015 (Tidak lewat jam 11.00 pagi)

**(HARI BIASA)
WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN**

ISNIN - KHAMIS	8:00 PAGI 1:45 PETANG	HINGGA	11:45 PAGI 3:00 PETANG
SABTU	8:00 PAGI	HINGGA	10:00 PAGI

Syarat-Syarat Iklan Tawaran

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah membayar Yuran Tawaran di Tingkat 12, Unit 4, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Politeknik Brunei, Blok 2E, Condominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran Yuran Tawaran yang diterima adalah betul.

Hari dan Waktu pembayaran

Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi

1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Tingkat 12, Unit 4, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Politeknik Brunei, Blok 2E, Condominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang Tawaran yang telah diisi

dengan lengkap hendaklah menyertakan **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.**

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis **Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran** tanpa menunjukkan identiti Penawar dan ditujukan kepada :-

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pendidikan.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam, **Peti Sebut Harga, bertempat di Lobi Politeknik Brunei, Blok 2E, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**PORTS DEPARTMENT
MINISTRY OF
COMMUNICATIONS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**QUOTATION NOTICE NO.
JP/SH9/2015-2016**

1) Quotations are invited from Qualified Ports Consultancy Service for **AUDITING, DEVELOPMENT, IMPLEMENTATION AND TRAINING FOR A SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM FOR PORTS.**

2) Full quotations particulars and general conditions of contract can be obtained from:

**TAWARAN & QUOTATION
SECTIONS
2ND FLOOR, PORTS DEPARTMENT
MUARA BT 1728,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
During office hours :
MONDAY TO THURSDAY FROM
8.00 AM - 11.00 AM &

1.30 PM - 2.30 PM
AND SATURDAY FROM
8.00 AM - 10.00 AM

3) Quotations are to be submitted in plain sealed envelopes marked only with "AUDITING, DEVELOPMENT, IMPLEMENTATION AND TRAINING FOR A SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENTAL MANAGEMENT SYSTEM FOR PORTS JP/SH9/2015-2016" at the top left hand corner and addressed to :

**THE CHAIRMAN
QUOTATION COMMITTEE
PORTS DEPARTMENT
2ND FLOOR, MUARA BT1728
BRUNEI DARUSSALAM.**

4) All quotations are to be received at the designated addresses by **2.00 PM, WEDNESDAY, 27TH MAY 2015.**

5) The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any quotation.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**JUALAN SECARA TAWARAN TERTUTUP (SEBUTHARGA) HARTA BENDA
KERAJAAN KEPUNYAAN HOSPITAL PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH TUTONG
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan rujukan: KKW/ADM/KEM/10 bertarikh 12 Ramadhan 1435/
10 Julai 2014 , 14 Rabiulakhir 1436/04 Februari 2015, 20 Jamadilawal 1436/11
Mac 2015 dan 02 Jamadilawal 1436/23 Mac 2015.**

BIL	KETERANGAN HARTA BENDA	JUMLAH
1	Holden Jakab Commodore – BG 8699	1 buah
2	Holden Jakab Commodore – BG 8697	1 buah
3	Mitsubishi Pajero GL – BG 8589	1 buah
4	Child Medical Bed	12 unit
5	Medela Dominant (Suction Pump)	1 unit
6	H.w Anderson (Eogas Sterilizer)	1 unit
7	Imed (Volumetric infusion) Gemini PC - 1	1 unit
8	Skylux Universe (Ot Light) U63 60	2 unit
9	Surgical Table (Amsco Surgical 2080MIA)	1 unit
10	General Anesthetic Machine (Prime Series 200)	1 unit
11	General Anesthetic Machine (Datex-Engstron)	1 unit
12	Diagnostic Ultrasound Machine Shidmadzu	1 unit
13	Wooden Patient Lockers	8 unit

Bagi bilangan 1 hingga 3 **Caj Borang \$50.00**

Bagi bilangan 4 hingga 12 **Caj Borang \$10.00**

Bagi bilangan 13 **Caj Borang \$2.00**

Tempat mengambil borang di **Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran,**
Hospital Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Tarikh terakhir **mengambil** borang pada:
Hari Isnin, **25 Mei 2015** sebelum jam **10.00** pagi.

Tarikh Tutup **mengantar** borang sebutharga pada:
Hari Khamis **28 Mei 2015** jam **9.00** pagi.

Tarikh melihat **Peralatan/Perkakas, perabot Perubatan dan Kenderaan Hospital**
pada: Hari **Isnin, 18 hingga khamis 21 Mei 2015**
jam **9.00** hingga **11.00** pagi.

Maklumat lanjut mengenai, syarat-syarat dan harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebutharga, sila berhubung **ditalian 4260721 Ext 213** di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam **Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat Bawah**, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang, pada hari Selasa, 2 Jun 2015.

**JPt/TAW/10(A) 2014-2015 :
MEMBINA DAN MENINGKATKAN
JALAN LADANG BAGI KAWASAN
TANAMAN BUAH-BUAHAN BAGI
DAERAH TEMBURONG
(Yuran Tawaran BND50.00)**

**JPt/TAW/12(A) 2014-2015 :
SUPPLY, INSTALLATION AND
OPERATION OF 2 UNITS OF
AUTOMATIC WEATHER STATION**

(Yuran Tawaran BND30.00)

**JPt/TAW/03/2015-2016 :
PENYEDIAAN KAWASAN LADANG
PADI SELAPON, DAERAH
TEMBURONG
(Yuran Tawaran BND500.00)**

**JPt/TAW/04/2015-2016 :
MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK
12:12:17:2 SEBANYAK 5,000 BEG
(250MT) BAGI INSENTIF PENGUSAHA
TANAMAN PADI
(Yuran Tawaran BND50.00)**

**JPt/TAW/05/2015-2016 :
MEMBEKAL BAJA UREA SEBANYAK
5,000 BEG (250MT) BAGI INSENTIF
PENGUSAHA TANAMAN PADI
(Yuran Tawaran BND30.00)**

**JPt/TAW/06/2015-2016 :
MEMBEKAL BAJA DOLOMITE
SEBANYAK 5,000 BEG (250MT) BAGI
INSENTIF PENGUSAHA TANAMAN
PADI
(Yuran Tawaran BND30.00)**

**JPt/TAW/07/2015-2016 :
MEMBEKAL BAJA TRIPLE SUPER
PHOSPHATE (TSP) SEBANYAK 2,000
BEG (100MT) BAGI INSENTIF
PENGUSAHA TANAMAN PADI
(Yuran Tawaran BND30.00)**

**JPt/TAW/08/2015-2016 :
MEMBEKAL BAJA MURIATE OF
POTASH (MOP) SEBANYAK 2,000 BEG
(100MT) BAGI INSENTIF PENGUSAHA
TANAMAN PADI
(Yuran Tawaran BND30.00)**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Yuran Tawaran sebanyak **BND30.00** wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan

kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

8. Tender shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan and Jabatan Kerja Raya under Class IV or above, eligible for carrying out works under KA01 -Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam (Civil Engineering Works). Tenders shall produce of registration with the JKR for the said category of works with **(JPt/TAW/10(A) 2014-2015 & JPt/TAW/03/2015-2016)**

9. Semua Penender dan / atau wakilnya hendaklah **dimestikan** hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran di atas pada **27 Mei 2015 (hari Rabu) jam 2.00 Petang (Bilik Suria) di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.**

10. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **27 Mei 2015 (Hari Rabu) jam 2.30 Petang.**

11. Tawaran-tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman *web* Jabatan Pertanian seperti berikut:-

Laman web : <http://www.agriculture.gov.bn>



**POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN SEBUT HARGA
JABATAN PERKHIDMATAN KEWANGAN
POLITEKNIK BRUNEI
BLOK 2E, KONDOMINIUM ONG SUM
PING, JALAN ONG SUM PING
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
PB/ESTATE/Q/2015-2016/03
KETERANGAN :**

**TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN STALL 'A' BAGI SEKOLAH
SAINS DAN KEJURUTERAAN,
POLITEKNIK BRUNEI,
KAMPUNG LUMUT, DAERAH
BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
TAWARAN :**

**BND100.00 (Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
11 Jun 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**BILANGAN TAWARAN :
PB/ESTATE/Q/2015-2016/04
KETERANGAN :**

TAWARAN PERKHIDMATAN

**KANTIN STALL 'B' BAGI SEKOLAH
SAINS DAN KEJURUTERAAN,
POLITEKNIK BRUNEI,
KAMPUNG LUMUT, DAERAH
BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN :**

**BND100.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
11 Jun 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)**

(HARI BIASA)

**WAKTU-WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN
YURAN / DOKUMEN TAWARAN
ISNIN-KHAMIS :
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU :
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

Syarat-Syarat Iklan Tawaran

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap

tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tendera).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam **Iklan Tawaran.**

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah membayar Yuran Tawaran di **Tingkat 12, Unit 4, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Politeknik Brunei, Blok 2E, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam.** Sila pastikan resit pembayaran Yuran Tawaran yang diterima adalah betul.

Hari dan Waktu pembayaran

Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi

1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 12, Unit 4, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Politeknik Brunei, Blok 2E, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.**

7. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada

bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis **Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran** tanpa menunjukkan identiti Penawar dan ditujukan kepada

**Pengerusi
Sebut Harga Politeknik Brunei
Kementerian Pendidikan.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam, **PETI SEBUT HARGA, BAHAGIAN SEBUT HARGA, JABATAN PERKHIDMATAN KEWANGAN, POLITEKNIK BRUNEI, BLOK 2E, KONDOMINIUM ONG SUM PING, JALAN ONG SUM PING, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**TAWARAN UNTUK PENYEWAAN
PONDOK DAN
PETAK JUALAN TANAMAN HIASAN DI
PUSAT HORTIKULTUR RIMBA,
GADONG
BILANGAN : 01/2015**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong seperti berikut :-

PETAK / PONDOK :-

1) Pondok Jualan (B19) Pusat urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong (Jualan

bunga-bunga dan tanaman hiasan serta barang-barang / bahan-bahan pertanian yang berkaitan)

2) Petak Jualan (A25) Pusat urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong (Jualan bunga-bunga dan tanaman hiasan serta barang-barang / bahan-bahan pertanian yang berkaitan)

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 **mulai 11 hingga 20 Mei 2015** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selewat-lewatnya **30 Mei 2015** sebelum **3.00 Petang.**

**Waktu Mendapatkan Borang
Permohonan Tapak**

ISNIN - KHAMIS :

8.00 Pagi - 11.30 Pagi

1.45 Petang - 3.00 Petang

SABTU : 8.00 Pagi - 10.00 Pagi

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon kepada :-

**UNIT KAWASAN KEMAJUAN
PERTANIAN
IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN
DAN
AGRIMAKANAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pegawai Projek :

Mohammad bin Lakim

Tel: +673 2388089

Abd Ani binti Haji Gapor

Tel: +673 2426147



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :
JAPEM/FLAT SENTOSA/2015
[P.SAMPAH]

PERKARA
PENGUTIPAN SAMPAH DI FLAT
SENTOSA, BANDAR SERI BEGAWAN
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT [FOR 2 YEARS]

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

3. Borang tawaran hendaklah diisikan dengan jelas dengan menyatakan katalog (gambar) jenis barang yang ditawarkan berserta dengan segala spesifikasinya (jika perlu) dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani dan chop syarikat.

4. Bayaran tender fee sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)** akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan kepada Bahagian Hasil, Bahagian Bantuan Am, Bekas Kompleks Rumah Kebajikan Kg. Pulaie, Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin-Khamis : 8.00 Pagi - 11.30 Pagi
dan 2.00 Petang - 3.00 Petang
Sabtu: 9.30 Pagi - 11.00 Pagi

*** Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada **hari Isnin, 8 Jun 2015**
(Sebelah pagi sahaja)

5. Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dengan disertakan resit pembayaran tender fee, salinan sijil Pendaftaran perniagaan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi *sealed* tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan dan tajuk tawaran projek dengan jelas, (satu sampul surat bagi satu tawaran) dan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** di alamat :

PETI SEBUT HARGA
TINGKAT 2, JABATAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BANGUNAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN,
SIMPANG 336-17
JALAN KEBANGSAAN
BANDAR SERI BEGAWAN, BC4415.

6. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan **tidak lewat pada hari Isnin, 8 Jun 2013, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

BIL. TAWARAN :
JAPEM/2015[BAS SEWA]

PERKARA
PERKHIDMATAN BAS SEWA MUATAN
22 ORANG

PENUMPANG BAGI KEGUNAAN
MENGAMBIL/MENGHANTAR
ANAK-ANAK ISTIMEWA KE PUSAT
BAHAGIA DAERAH BRUNEI DAN
MUARA UNTUK TEMPOH 1 TAHUN
(MULAI 1HB NOVEMBER 2015
HINGGA 31HB OKTOBER 2016)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

3. Borang tawaran hendaklah diisikan dengan jelas dengan menyatakan katalog (gambar) jenis barang yang ditawarkan berserta dengan segala spesifikasinya (jika perlu) dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani dan cop syarikat.

4. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad Pengenalan atau nombor pasport pemilik.

5. Bayaran tender fee sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)** akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan kepada Bahagian Hasil, Bahagian Bantuan Am, Bekas Kompleks Rumah Kebajikan Kampung Pulaie, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin-Khamis : 8.00 Pagi - 11.30 Pagi
dan 2.00 Petang - 3.00 Petang
Sabtu: 9.30 Pagi - 11.00 Pagi

*** Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada **hari Isnin, 8 Jun 2015**
(Sebelah pagi sahaja)

6. Borang tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan & tajuk tawaran projek dengan jelas, (satu sampul surat bagi satu tawaran) dan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** di alamat :

PETI SEBUT HARGA
TINGKAT 2, JABATAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BANGUNAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN
SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN
BANDAR SERI BEGAWAN, BC4415

Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan **tidak lewat pada hari Isnin, 8 Jun 2013, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



Department of Economic Planning and Development
Prime Minister's Office



Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mempelawa pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkecenderungan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :-

A. JAWATAN : PEGAWAI PROJEK (SITE-STAFF) [1 JAWATAN]
BAHAGIAN : II
TANGGAGAJI : B2 EB 3 (\$1975-2050-2125-2205-2285-2365-2445-2525-2610-2690-2775-2870-2965-3070-3175-3280-3350-3445-3540-3640)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- i. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia / Pengurusan (Management) / Dasar / Ekonomi atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- ii. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan;
- b. Mempunyai pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan berkebolehan dalam menggunakan Komputer; dan
- c. Berkebolehan dan berpengalaman tentang pengurusan dan perancangan sumber manusia adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Membantu Ketua Bahagian dalam kerja-kerja berkaitan dengan pembentukan konsep program pembangunan kepakaran, kemahiran dan keusahawanan mengikut keperluan Negara;
- Membantu Ketua Bahagian dalam penyelarasan, pemantauan dan penelitian segala program-program dan skim-skim latihan yang dibentuk dan memastikan semua agensi yang dikenalpasti melaksanakan program-program berkenaan;
- Membantu Ketua Bahagian dalam kajian dan kumpulan perangkaan yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia; dan
- Bertanggungjawab bagi memberikan laporan kepada Pengarah / Penolong Pengarah samada secara lisan atau bertulis mengenai perjalanan kerja serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan projek berkenaan.

Pemohon-pemohon yang berminat boleh menghadapkan butir-butir peribadi (*resume*) yang lengkap, salinan Kad Pengenalan, salinan sijil-sijil kelulusan berserta satu (1) keping gambar terbaru ukuran paspot ke alamat berikut **tidak lewat 09th Jun 2015**:

Jabatan Pentadbiran dan Teknologi Info-Komunikasi,
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi,
Tingkat 5, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan BA1311,
Negara Brunei Darussalam.

Hanya pemohon-pemohon yang terpilih bagi senarai pendek akan dihubungi.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk

"PEMBAIKKAN MESIN KOMPRESOR BANTUAN PERNAFASAN (B.A. COMPRESSOR) PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM"

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

"PEMBAIKKAN MESIN KOMPRESOR BANTUAN PERNAFASAN
(B.A. COMPRESSOR)

PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG,
JABATAN PENERBANGAN AWAM"

Bilangan Tawaran : DCA/AFS/2015/SH-01

Tarikh Tutup : 27 Mei 2015

Kepada : Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga

Bahagian Kewangan

Tingkat Bawah

Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam

Kementerian Perhubungan

Bandar Seri Begawan BB 2513

Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebutharga **tidak lewat jam 2.00 petang, Hari Rabu 27 Mei 2015**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan)**.

5. Penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, melalui talian :

Tel : 2330142 sambungan 1633 / 1646

Faksimile : 2334776

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Rabu 29 April 2015**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan ***www.moh.gov.bn***.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Hari Selasa pada 26 Mei 2015**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN - KHAMIS
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi Pemborong / Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114).
- Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/49/2015 (JPR)(TC)	SUPPLY AND DELIVERY OF DIASAFE ULTRAPURE FILTERS FOR THE USE OF FRESSENIUS DIALYSIS MACHINE 4008 SERIES FOR THE DEPARTMENT OF RENAL SERVICES FOR A PERIOD OF TWO(2) YEARS	\$50.00	26/05/2015
KK/50/2015 (SMS)(TC)	SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLES FOR THE STATE MEDICAL STORE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$50.00	26/05/2015

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/51/2015 (UPP)(TC)	SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLES (CENTURION VISION SYSTEM) FOR THE DEPARTMENT OF OPHTHALMOLOGY RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$100.00	26/05/2015
DRG/07/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$500.00	26/05/2015
DRG/08/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$50.00	26/05/2015

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
DRG/09/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$50.00	26/05/2015
DRG/10/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$50.00	26/05/2015
DRG/11/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$50.00	26/05/2015

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
DRG/12/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$50.00	26/05/2015
DRG/13/2015	THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah "Poison Act" (Cap 114)	\$30.00	26/05/2015

IKLAN WEBSITE PADA 29HB APRIL 2015


**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa bagi menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3913, Negara Brunei Darussalam bagi projek-projek berikut :

TAJUK PROJEK :

**1. SUPPLY, INSTALLATION, COMMISSIONING,
TESTING AND TRAINING OF ONE UNIT DIGITAL COLOUR PRINTING PRESS
FOR THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT,
PRIME MINISTER'S OFFICE, BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN TAWARAN :

GP/ADM/PK/2/2015

YURAN TAWARAN : BND35.00

(Tidak Dikembalikan) (Termasuk Yuran Dokumen)

TARIKH TUTUP :

Hari Selasa, 2 Jun 2015, jam 2.00 Petang.

Dokumen-dokumen dan Spesifikasi Teknikal serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG- PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM KELAS III &
IV KATEGORI S01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : Hari Selasa,
26 Mei 2015,**

**TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA, 09 Jun 2015
jam 2.00 petang**

**BIL : JKR/DBSBM007/2015/
KONTRAK PENGGAL DUA BELAS
(12) BULAN BAGI PEMOTONGAN
RUMPUT DAN KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN/PENJAGAAN
KEBUN BUNGA DI KAWASAN**

**PERUMAHAN KERAJAAN KAMPUNG
KIARONG GADONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PROJEK : 2015DBSBM/JKR003
JUMLAH TAWARAN : \$30.00
(Tidak dikembalikan)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah

ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan

kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA
TERTUTUP**

**PETI TAWARAN TERTUTUP
TINGKAT 1, BLOK PENTADBIRAN
BAHAGIAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
KAMPUNG SINARUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH BERMULA : 18 MEI 2015 ISNIN 8.30 PAGI

TARIKH TUTUP : 26 MEI 2015

SELASA 9.00 PAGI

BERTEMPAT :

**BAHAGIAN MEKANIKAL SINARUBAI
JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN		TARIKH TERAKHIR MEMBUKAKAN BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT	
18.05.2014 (HARI ISNIN)	18.05.2015 HINGGA 25.05.2015 PAGI : 8.30 HINGGA 11.30 PETANG : 2.00 HINGGA 4.00	26.05.2015 / PADA ATAU SEBELUM 9.00 PAGI (HARI SELASA)

LOT	KETERANGAN	BANYAK	TEMPAT
1	BG 6087 Isuzu FTR112 Tipper Truck	1	BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI
2	BG 5669 Isuzu BE22 Light Duty Bus	1	
3	BG 5668 Isuzu BE22 Light Duty Bus	1	
4	BG 4673 Hino KR300 Tipper Truck	1	
5	BG 4662 Hino KR300 Tipper Truck	1	
6	BG 5296 Hino LB510 Tipper Truck	1	
7	BG 4653 Hino KR300 Tipper Truck	1	
8	BG 5294 Hino LB510 Tipper Truck	1	
9	BG 6088 Isuzu FTR112 Tipper Truck	1	
10	BG 6220 Nissan Long Bed 4X2 Pick Up	1	
11	BG 6217 Nissan Long Bed 4X2 Pick Up	1	
12	BG 6082 Isuzu FTR112 Tipper Truck	1	
13	BG 4003 Hino Tipper Truck	1	
14	BG 4668 Hino KR300 Tipper Truck	1	
15	BG 6083 Isuzu FTR112 Tipper Truck	1	
16	BG 6085 Isuzu FTR112 Tipper Truck	1	
17	BG 7359 Mitsubishi FK455JR Multilift Truck	1	
18	BG 4928 Mitsubishi Fuso Water Tanker	1	
19	Alat Penyaman Udara	1 Lot	
20	Water Pump	2	
	Chiller	3	
	AHU	6	



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BAHAGIAN 1

DOKUMEN TAWARAN

JP/T4/2015-2016

PEMELIHARAAN LANSKAP

KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN

DAN TANAH-TANAH

JABATAN PELABUHAN

@ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN

2015-2017

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat yang bersesuaian yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. (JADUAL HAD KEWANGAN KERJA KELAS II & III SAHAJA & MEMPUYAI JADUAL KATEGORI KERJA YANG BERKAITAN)

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di :-

UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA

TINGKAT 2 BANGUNAN IBU

PEJABAT

JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

MUARA BT 1728

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**PADA HARI ISNIN HINGGA KHAMIS -
8.00 Pagi HINGGA 11.00 Pagi & 1.30 Petang
HINGGA 2.30 Petang DAN HARI SABTU -
8.00 Pagi HINGGA 10.00 Pagi.**

Dokumen tawaran dijual dengan harga Ringgit Brunei Sepuluh (BND10.00) tunai tidak dikembalikan & dokumen hanya dapat diperolehi / dikeluarkan sehingga HARI SELASA, 19 MEI 2015.

**SYARAT-SYARAT, MASA & TEMPAT
MENGHANTAR DOKUMEN TAWARAN**

3. Dokumen tawaran mestilah disimpan dalam sampul surat yang tertutup rapi, tanpa membubuh atau menulis nama syarikat dan juga logo syarikat :-

a) "JP/T4/2015-2016 - PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN TANAH-TANAH JABATAN PELABUHAN @ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN 2015-2017" tajuk tawaran perlulah tercatit jelas di sebelah depan sampul bahagian atas.

b) Sampul tertutup tidak perlu mempunyai nama syarikat atau pun logo.

c) Sampul perlu ditujukan kepada alamat berikut :

PENGERUSI

LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)

TINGKAT 4

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BANDAR SERI BEGAWAN BB3910

JALAN MENTERI BESAR

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. Satu SESI TAKLIMAT & LAWATAN bagi penender yang berminat akan diadakan pada HARI RABU, 20 MEI 2015, JAM 9.00 PAGI BERTEMPAT DI IBU PEJABAT, JABATAN PELABUHAN.

Kehadiran penender adalah dimestikan dan merupakan kriteria yang mandatori di dalam penilaian tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR
TAWARAN**

SELASA, 26 MEI 2015, 2.00 PETANG

BTP

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/ PERNIAGAAN 2015

LIPUTAN

BTP 2015 meliputi semua syarikat perusahaan/ perniagaan yang aktif beroperasi, samada :

- Perusahaan milik sendiri
- Perkongsian
- Syarikat awam berhad
- Syarikat sendiri berhad
- Cawangan syarikat luar negeri
- Koperasi
- dan lain-lain pertubuhan

OBJEKTIF

Untuk mengumpul maklumat terkini mengenai :

- Saiz dan struktur perusahaan/perniagaan.
- Ciri-ciri aktiviti ekonomi syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan sektor swasta.
- Terutama sekali mengenai perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

- Bilangan pekerja.
- Pendapatan dan perbelanjaan perusahaan/ perniagaan bagi tahun rujukan 2014.

KEGUNAAN

Hasil dari BTP 2015 akan dapat memberikan :

- Maklumat yang kerap dan terkini mengenai profil syarikat perusahaan/perniagaan.
- Maklumat mengenai sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- Membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar berkaitan perkembangan sektor swasta.



Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

JADUAL PERLAKSANAAN

Tempoh Banci Tahunan Perusahaan/ Perniagaan (BTP) 2015 adalah :

15 MEI - 15 JUN 2015

Borangtanya akan diedarkan kepada semua syarikat dan perniagaan melalui pos bermula dari :

2 - 14 MEI 2015

Borangtanya BTP 2015 boleh juga dimuat turun dari laman web JPKE :

www.depd.gov.bn

Tarikh tutup untuk mengembalikan borangtanya yang lengkap kepada JPKE adalah sebelum :

16 JUN 2015

melalui pos, faks, e-mel atau dihantar terus ke JPKE

PERTANYAAN

| TELEFON |

2230251

2233344 EXT 421, 422, 431
436, 437, 439

| E-MEL |

info.statistics@jpke.gov.bn

**KERJASAMA
AWDA DIPERLUKAN
UNTUK KEJAYAAN
BANCI INI**

Expedisi Berbasikal, Karnival Amal meriah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan hadiah kepada salah satu aktiviti sempena Karnival Amal tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Expedisi Berbasikal dan Karnival Amal Sempena 30 Tahun Penubuhan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan perasmian Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak.

Turut menyertai bersama lebih kurang 50 peserta acara berbasikal sejauh 20 kilometer ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

yang bermula dari Hospital RIPAS dan berakhir di Kementerian Kesihatan di sini.

Acara basikalton bertujuan bagi mengutip derma untuk Dana Hospital RIPAS yang ditubuhkan pada 25 Januari 2010 dalam membantu pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan dari segi sosio-ekonomi terutama sekali dalam memenuhi keperluan rawatan perubatan yang bukan saja tertumpu kepada ubat-ubatan.

Selain itu, Karnival Amal juga turut diadakan di kawasan letak kereta kementerian berkenaan.

Sejurus pembukaan majlis karnival tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menerima sumbangan derma sebanyak BND1,000 daripada NBT (B) Sendirian Berhad bagi Tabung Amal Bantuan Pesakit Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, kutipan derma jualan termasuk hasil dan sewa tapak jualan akan didermakan sepenuhnya

kepada tabung berkenaan.

Tabung yang dilancarkan pada tahun 2007 lalu itu bagi membantu meringankan beban para pesakit dan keluarga ke arah meningkatkan kualiti

kehidupan dalam memastikan pemedulian kesihatan secara menyeluruh.

Pengunjung yang datang ke karnival sehari itu berkesempatan ikut serta pelbagai jenis permainan, aktiviti, pertandingan dan bermacam-macam lagi sesuai sekali dijadikan aktiviti santai bersama keluarga pada hujung minggu.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyertai Expedisi Berbasikal dan Karnival Amal Sempena 30 Tahun Penubuhan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan perasmian Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak.

Pejabat Peguam Negara sambut Hari Keluarga



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Keluarga Pejabat Peguam Negara sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2015.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Dalam mendukung Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2015, Pejabat Peguam Negara tidak ketinggalan menyambut Sambutan Hari Keluarga Pejabat Peguam Negara yang diadakan bertempat di kawasan letak kereta Bangunan Undang-

Undang, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh dan Peguam Cara

Negara, Puan Naimah binti Mohd. Ali.

Turut hadir ialah para pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara serta keluarga.

Hari Keluarga Pejabat Peguam Negara dikendalikan oleh Bahagian Penggubalan Undang-Undang, Bahagian Penyelidikan dan Penelitan Undang-Undang serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Atur cara dimulakan dengan sesi senamrobik 'Zumba' beramai-ramai dan kemudian diikuti dengan pelbagai aktiviti sukan serta permainan yang dikelolakan oleh para pegawai dan kakitangan bertugas. Antaranya seperti pertandingan 'Mummy Wrap' bagi kanak-kanak dan dewasa, pertandingan 'Musical Chair', 'Signature Hunt' dan 'Masterchef' bagi kanak-kanak.

Sambutan tersebut diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai dengan kakitangan Pejabat Peguam Negara serta keluarga selaras dengan tema HKK 2015 'Keluarga Berwawasan' bagi melahirkan generasi berwawasan yang bakal mencorak masa depan negara dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara 'Baldatun Tayyibatun Warrabbun Ghafur'.

Sebelum ini, Pejabat Peguam Negara turut mengadakan Majlis Tahlil, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat sempena HKK 2015.

Pendawaian dalaman tanggungjawab pelanggan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Pelanggan-pelanggan Telekom Brunei Berhad (TelBru) disarankan untuk memastikan semua kerja asas dan pendawaian dalaman yang diperlukan bagi premis pelanggan telah disediakan sebelum TelBru memberikan sebarang perkhidmatan.

Kos-kos perkhidmatan pemasangan kabel, penyaluran dan peralatan di luar titik sempadan (*demarcation point*) akan ditanggung oleh pelanggan sendiri.

Apabila berlaku kerosakan dan gangguan perkhidmatan, salah faham sering terjadi mengenai isu infrastruktur dan pendawaian dalaman bagi premis pelanggan seperti yang dinyatakan oleh pihak

TelBru.

Menurut TelBru, jika pelanggan berkeinginan untuk memindah atau menempatkan semula titik asal kemasukan, iaitu ke lokasi yang berbeza dan melibatkan pendawaian dalaman, maka caj tambahan akan dikenakan kepada pelanggan bagi penempatan semula tersebut.

Seperti kes sebelumnya, kakitangan TelBru atau *vendor* mendapati bahawa pendawaian dalaman yang sedia ada perlu diganti disebabkan kerosakan. Oleh yang demikian, TelBru atau *vendor* hanya akan menjalankan penggantian jika pelanggan bersetuju untuk membayar kerja tambahan tersebut.

Pihak TelBru tidak akan bertanggungjawab ke atas komponen

pemasangan pendawaian dalaman jika urusan niaga tersebut hanya dibuat di antara pelanggan dan *vendor*.

Bagi penyewa bangunan komersial yang memerlukan pemasangan unit individu, kos penyambungan pendawaian dalaman perlu ditanggung oleh pemilik bangunan.

Manakala untuk pemindahan dari kabel tembaga ke *fiber*, pelanggan akan dikenakan bayaran bagi kerja tambahan di luar pemasangan piawaian TelBru dan akan dimasukkan dalam bil bulanan pelanggan.

Para pelanggan TelBru bolehlah mendapatkan senarai *vendor* yang berdaftar melalui laman sesawang www.telbru.com.bn.

Bazar Ria Kelab Amal Amali dirasmikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Bazar Ria Kelab Amal Amali yang diadakan di tempat letak kereta berdekatan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dirasmikan oleh Yang Di-Pertua Kelab Amal Amali, Dayang Siti Noor Dzuhaifah binti Haji Awang Damit.

Bazar selama lapan hari bermula pada 10 sehingga 17 Mei 2015 menyajikan pelbagai persembahan dan aktiviti antaranya Pertandingan Mewarna; Pertandingan Kereta Tamiya Mini 4WD dan Pertandingan Tamiya Grand Prix Ke Jepun; Pameran Kereta Retro Brunei; Pesta Keluarga dan Kuiz Ria Amal Amali; Pertandingan Kosplay dan Busking atau Jalanan; Pertunjukan Haiwan Peliharaan Eksotik dan Reptilia; Persembahan Tausyeh dan Rumah Hantu.

Bukan itu sahaja, pengunjung bazar juga berpeluang untuk mendapati baucar percuma daripada Choco Nano. Bagi pengunjung yang berminat dalam Pertandingan Mewarna, borang pendaftaran boleh diperolehi di kaunter pertanyaan kelab itu.

Menurut penganjur, Pertandingan Mewarna ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Suka-Suka dan Kategori Berbentuk Pertandingan. Ia dibukakan kepada kanak-kanak yang berumur dari tiga tahun.

Bazar Ria Kelab Amal Amali ini dianjurkan bersama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan dibantu oleh Syarikat Pengurusan Acara Rock Solid dan Syarikat Hiburan DSZ. Bazar ria ini turut disokong oleh Kelab Amal Amali, Persatuan Kenderaan Bermotor Nostalgia, Brunei Tamiya dan Syarikat De'Heritage dan Achievers.

Kelab Amal Amali adalah sebuah organisasi amal di Negara Brunei Darussalam yang baru ditubuhkan pada bulan April tahun ini dan di bawah pemantauan Pusat Belia di Bandar Seri Begawan.

Kelab Amal Amali ini diketuai oleh Dayang Siti Noor Dzuhaifah binti Haji Awang Damit, Yang Di-Pertua Kelab Amal Amali. Kelab ini ditubuhkan bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada tahun ini, iaitu 'Generasi Berwawasan'.

Selain mempraktikkan tema yang sedia ada, kelab ini juga bertujuan untuk memberi ruang kepada belia-beliawanis untuk mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang belia yang berwawasan sekali gus menjadi harapan negara untuk berfikir lebih proaktif dan memperluaskan ilmu pengetahuan dengan mengikuti program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan disediakan oleh kelab ini.

Sebarang keterangan lanjut atau aktiviti-aktiviti yang akan datang, sila hubungi melalui talian 8279935 atau 8159913 atau e-mel di dszhad@gmail.com.



PERTANDINGAN Mewarna antara aktiviti yang terkandung sempena Bazar Ria Kelab Amal Amali yang diadakan di tempat letak kereta berdekatan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kementerian Pendidikan juara PSKK 2015



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina menyampaikan piala juara keseluruhan PSKK 2015 kepada Ketua Kontinjen Pasukan Kementerian Pendidikan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

Futsal Sukan Ria Antara Syarikat singkap tirai kejohanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BERAKAS, Ahad, 10 Mei. - Sukan Futsal bagi Sukan Ria Antara Syarikat 2015 yang disertai oleh 50 pasukan menjanjikan perlawanan sengit dengan menawarkan wang tunai sebanyak BND1,000 piala rebutan, medal dan piala iringan bagi pasukan juara.

Naib juara akan membawa pulang sejumlah BND700, medal dan piala iringan manakala tempat ketiga pula menerima BND500, medal berserta piala iringan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam merasmikan kejohanan berkenaan dengan menyaksikan perlawanan pembuka tirai bertemu pasukan D'Sunlit Sdn. Bhd. dan Labour A, di



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam menerima cendera hati daripada pihak penganjur.

Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sukan Ria Antara Syarikat adalah

acara sukan tahunan yang diselenggarakan oleh Jabatan Buruh, KHEDN dengan kerjasama Sunlit Advertising Sendirian Berhad.

KHEDN unggul futsal PSKK



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris bergambar ramai bersama pemenang pada Kejohanan Futsal Peringkat Akhir PSKK.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berjaya mengutip

pingat emas Kejohanan Futsal Pesta Sukan Kementerian-Kementerian 2015 Kategori Terbuka selepas menundukkan pasukan Kementerian

Pertahanan dengan jaringan 2-0.

Kejayaan pasukan KHEDN diperoleh menerusi jaringan yang dilakukan oleh Syahrin bin Momin pada minit ke-14 dan Awangku Md. Azrul Ariffin bin Pengiran Matassan pada minit ke-22.

Pingat gangsa diperolehi pasukan Kementerian Kesihatan setelah mengalahkan pasukan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 3-2.

Terdahulu dalam Kategori Veteran menyaksikan pasukan Kementerian Kesihatan berjaya menguasai gelanggang Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah apabila menyingkirkan pasukan Kementerian Pembangunan dengan jaringan tipis 1-0.

Gol tunggal keramat tersebut dijaringkan oleh Momin Haji Akop pada minit ke-24.

Tempat ketiga sekali gus pemilik pingat gangsa jatuh kepada pasukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama setelah menumpaskan pasukan Kementerian Perhubungan dengan jaringan 2-1.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris.

BERAKAS, Sabtu, 9 Mei. - Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) 2015 menutup tirainya dengan Kementerian Pendidikan dinobatkan juara keseluruhan dengan mengutip 15 pingat emas, 12 perak dan 16 gangsa.

Sementara itu, kontinjen Kementerian Pertahanan menduduki tempat kedua dengan mengumpul 12 pingat emas, 18 perak dan 19 gangsa, manakala kontinjen Jabatan Perdana Menteri (JPM) berada tempat ketiga dengan mengutip 11 emas, 9 perak dan 12 gangsa.

Majlis Penutup PSKK telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Acara dimulakan dengan perlawanan peringkat separuh akhir dan akhir Kategori Terbuka Tarik Kalat Dalam Dewan bagi berat badan 680 kilogram (kg) terkumpul yang menyaksikan kontinjen Kementerian Pembangunan menentang Kementerian Pertahanan dan JPM melawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Dalam perlawanan itu, Kementerian Pembangunan berjaya mengalahkan lawannya dan sekali gus menjuarai kategori berkenaan, sementara KHEDN menduduki naib juara dan berkongsi di tempat ketiga ialah JPM dan Kementerian Pertahanan.

Seterusnya acara diikuti dengan kontinjen dari 12 buah kementerian masuk ke dalam arena dan disusuli dengan penyampaian pingat bagi acara Tarik Kalat Tradisi berat badan 70kg dan 1,100kg terkumpul dan Sukan Tarik Kalat Dalam Dewan bagi acara berat badan 680kg terkumpul yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Bagi acara 70kg, tempat ketiga dikongsi bersama oleh JPM dan Kementerian Pertahanan, naib juara

ialah Kementerian Pembangunan dan johan disandang oleh Kementerian Kesihatan.

Manakala, bagi 1,100kg terkumpul tempat ketiga juga dikongsi sama oleh Kementerian Perhubungan dan JPM, sementara naib juara disandang oleh KHEDN dan johan ialah kontinjen Kementerian Pembangunan.

Setelah itu, tetamu kehormat mengisytiharkan penutupan rasmi PSKK 2015.

Ia dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan salah satu projek di bawah sukan untuk masyarakat yang bermula sejak 1991 dengan hasrat untuk membentuk masyarakat pegawai dan kakitangan kerajaan yang cergas, sihat, kukuh jasmani, rohani, berdisiplin dan berdikari.

Sebanyak lima acara sukan telah dipertandingkan secara berkontinjen, iaitu Bola Jaring, Futsal, Olahraga, Petanque dan Tarik Kalat (Dalam Dewan dan Tradisional) yang melibatkan seramai 1,518 pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai atlet, jurulatih mahupun pegawai teknikal.

Tujuan PSKK ini diadakan adalah untuk melaksanakan 'Dasar Sukan Negara' khasnya dalam 'Sukan Untuk Masyarakat', untuk memajukan sukan seiring dengan pembangunan sosial, ekonomi dan pembangunan kerohanian serta memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat dan bahagian supaya bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan secara terpadu dan teratur.

PSKK adalah salah satu usaha KKBS melalui JBS untuk menjadikan aktiviti-aktiviti sukan bukan hanya semata-mata untuk kecemerlangan, tetapi juga untuk kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan.



ANTARA aksi Pertandingan Tarik Kalat Dalam Dewan sebelum penutup PSKK 2015.

Pembangunan infrastruktur pemangkin pertumbuhan ekonomi

Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, tempoh 30 tahun bukanlah satu jangka yang pendek dan mereka yang di dalam lingkungan perkhidmatan 30 tahun ke atas adalah yang berkhidmat sejurus sebelum merdeka lagi, dalam erti kata lain terangnya, mereka adalah yang di antara yang menempuh dua era dalam transformasi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara iaitu sebelum dan sesudah merdeka.

Jika dibanding perbezaan di antara bekerja zaman dahulu dengan sekarang, ujar Yang Berhormat, kemudahan pengangkutan, jentera dan alat perkakas yang digunakan boleh memudahkan dan mempercepatkan kerja, penggunaan teknologi yang tinggi seperti IT, penggunaan bahan binaan yang lebih berdaya tahan dan pekerja yang mahir dan pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui apa yang canggih dan terkini pada masa ini tidak akan selamanya canggih dan terkini, kita akan sentiasa berdepan dengan perubahan sama ada dari segi peralatan dan jentera binaan, teknologi mahupun kepakaran.

Oleh itu, Yang Berhormat menyarankan agar para pegawai dan kakitangan sentiasa memperlengkapkan organisasi dengan apa yang terkini, mempunyai tenaga kerja yang dinamik dan adaptif yang boleh menyesuaikan diri dengan apa juga perubahan dan mempunyai tenaga kerja yang sentiasa berusaha pada memperbaiki mutu dan hasil kerja masing-masing walaupun menggunakan teknologi dan peralatan yang lebih canggih, namun peranan kita sebagai tenaga kerja tetap relevan.

Ini kerana kejayaan sesebuah organisasi itu jelas Yang Berhormat masih banyak bergantung kepada kualiti warga kerjanya di semua peringkat, dan ciri-ciri seorang pemimpin mahupun pekerja yang baik dan diperlukan oleh organisasinya adalah mereka yang mengambil berat akan tugas dan tanggungjawabnya, bersungguh-sungguh dalam menyiapkan kerja yang dipertanggungjawabkan ke

atasnya, sentiasa berusaha memperbaiki mutu dan hasil pekerjaannya, bekerja secara berpasukan dan sentiasa terbuka kepada *ideas* dan pandangan rakan sekerja.

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengingatkan adalah perlu bagi setiap Perkhidmatan Awam khususnya di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, diterajui oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang ikhlas, jujur lagi amanah dan penuh berdisiplin dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Namun Yang Berhormat Menteri Pembangunan menegaskan, dalam mengamalkan sifat bersih, jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas harian dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai, pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu beringat untuk tidak terjerumus ke dalam gejala yang tidak sihat seperti rasuah dan tidak amanah.

Pada majlis tersebut seramai 411 penerima Anugerah Kerja Lama *long service award* yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di bawah JKR menerima cenderahati dan sijil penghargaan mereka dan seramai 57 orang daripada mereka adalah penerima terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang berjaya mendapat prestasi cemerlang selama tiga tahun berturut-turut.

Majlis anugerah itu bertujuan untuk meraikan dan memberi penghargaan kepada para pegawai dan kakitangannya yang telah berkhidmat selama 30 tahun ke atas dalam memberikan sumbangan, khidmat bakti dan komitmen kepada negara dan kerajaan amnya dan khususnya kepada JKR, Kementerian Pembangunan.

Selain itu, ia juga merupakan sebagai satu medium penghargaan kepada mereka yang telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlang selama tiga tahun berturut-turut, di samping untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga jabatan yang setentunya akan memberikan dorongan untuk setiap warga jabatan supaya sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik demi meningkatkan prestasi kerja dalam jabatan ini.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyampaikan Sijil Penghargaan dan Cenderahati bagi penerima Anugerah Kerja Lama yang diterima oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku wakil penerima setiap jabatan di bawah JKR pada Majlis Anugerah Perkhidmatan 30 Tahun bagi Pegawai dan Kakitangan di Jabatan-Jabatan di bawah JKR bertempat di Hotel Orchid Garden, Berakas. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

JKR adalah sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1906 dan mempunyai gabungan pegawai dan kakitangan terdiri dari teknikal dan bukan teknikal, berperanan merancang dan pembinaan infrastruktur dan persekitaran pembangunan cemerlang.

Misi JKR adalah untuk membangunkan infrastruktur, bangunan-bangunan dan juga perkhidmatan secara menyeluruh bagi pembangunan negara ke arah kehidupan rakyat yang berkualiti.

Resolusi Seminar Tokoh Antarabangsa disepakati

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

JOHOR DARUL TA'ZIM, Khamis, 7 Mei.- Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama (Dr.) Ismail bin Umar Abdul Aziz yang diadakan selama dua hari dengan bertemakan "Memartabatkan Sumbangan Ilmu Nusantara" anjuran bersama kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim ini membicarakan sumbangan seorang tokoh yang berjasa besar di peringkat antarabangsa khususnya di nusantara sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Pelbagai taufik mengenai pengalaman, kepakaran dan penghayatan beragama Allahyarham Pehin telah didiskusikan dan dibincangkan dengan secara mendalam di dalam seminar ini.

Seminar tersebut telah mencapai beberapa Resolusi Seminar yang telah disepakati adalah seperti berikut :

- Menjunjung kasih di atas perkenan, restu dan naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, sempena Majlis Kemahkotaan. Seterusnya, menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan dan restu atas penganjuran bersama seminar ini sempena kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

- Hubungan yang baik dan kerjasama yang erat di dalam pelbagai bidang di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan

Negeri Johor Darul Ta'zim yang sedia ada perlu diterus dan diperkasakan dan dalam masa yang sama mengukuh dan melestarikan persaudaraan serta semangat kesetiakawanan di antara kedua-dua buah negara.

Dari segi ketokohan dan keperibadian :

- Allahyarham Pehin Datu Seri Utama (Dr.) Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, anak kelahiran Negeri Johor merupakan seorang ilmunan dan ulama 'amil (yang ikhlas beramal dengan ilmu dan amalnya) yang disegani lagi dihormati yang telah banyak berjasa dalam memartabatkan syi'ar Islam khususnya di kedua-dua buah negara serumpun.
- Keperibadian Allahyarham yang unggul dalam pelbagai bidang seharusnya dicontohi oleh generasi masa kini. Justeru, segala keunggulan dan kewibawaan Allahyarham dalam semua bidang ini hendaklah dikaji sehingga ke peringkat PhD supaya seterusnya menjadi penanda aras (*benchmark*), ditulis, dicetak dan disebarluaskan kesemua peringkat dan lapisan masyarakat agar ianya menjadi amal jariah yang berkekalan.

- Kesungguhan Allahyarham mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah membanteras ajaran-ajaran sesat di Asia Tenggara diakui dan dianggap sebagai penegak Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Allahyarham bukan sahaja seorang tokoh ulama ilmunan nusantara malah amat layak diangkat sebagai tokoh ulama antarabangsa.

Pendekatan dakwah dan kepimpinan Allahyarham yang berkesan di dalam segenap lapangan kehidupan yang merangkumi pentadbiran dan pelbagai bidang lain perlu diketengah dan dijadikan qudwah dan uswah kepada seluruh ilmunan dan para da'ie dengan berpaksikan konsep hikmah, mau'izhah dan mujadalah bil ihsan,

sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah an-Nahl, ayat 125 yang bermaksudnya "*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berhasrat dengan mereka (yang Engkau) serukan itu dengan cara yang lebih baik.*"

Dalam Pengajian dan Pendidikan Islam

- Allahyarham merupakan pembangun dan pengasas pendidikan agama formal, persekolahan agama dan Arab yang bersistematis di Negeri Johor Darul Ta'zim dan di Negara Brunei Darussalam. Allahyarham sangat mengambil berat sumber ilmu dan kesahihannya sama ada secara talaqqi dan musyafahah. Allahyarham juga amat prihatin terhadap tulisan jawi demi memajukan pendidikan anak bangsa dan umat Islam.

Justeru, dicadangkan agar diadakan :

- Sambutan sempena 100 tahun sistem pendidikan Sekolah Agama Negeri Johor pada tahun 2018.
- Mengabadikan sebuah sekolah agama di Negeri Johor dengan nama Allahyarham.
- Memperkasa kaedah pendidikan secara talaqqi dan musyafahah, serta menghidupkan semula pembelajaran kitab-kitab turats di seluruh peringkat pendidikan dan pengajian.
- Pemerkasaan tulisan jawi dalam pentadbiran Kerajaan.

Dari segi kefatwaan, zikir dan tarikat

- Fatwa atau karya besar Allahyarham yang tegas, berani dan tidak berkompromi seharusnya menjadi teladan. Justeru, semua fatwa Allahyarham hendaklah diterbitkan di dalam media cetak mahupun media elektronik - dengan pelbagai bahasa dunia - supaya menjadi rujukan kepada seluruh umat Islam.

- Ilmu Tasawuf, amalan tariqat dan zikir amat penting bagi proses pembersihan hati atau tazkiyah an-nafs dan juga penjernihan minda, justru amalan bertariqat dengan tariqat yang muktabar dan tidak bertentangan



PENYERAHAN Resolusi... Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah menerima dokumen resolusi daripada Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor Merangkap Jawatankuasa Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama (Dr.) Ismail bin Umar Abdul Aziz sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. - Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Haji Kerajaan.

dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah perlu diperkasakan ke arah pembinaan generasi muslim yang bertaqwa dan berhemah tinggi.

Sementara itu dalam hubungan Ulama dan Umara : Hadits Nabi menyebutkan dengan terjemahannya: Ada dua golongan manusia, jika elok kedua mereka, maka eloklah orang ramai, apabila rosak dua golongan ini, maka rosaklah orang ramai.

Demi melestarikan legasi hubungan baik antara ulama dan umara' yang terjelma di dalam ketokohan Allahyarham, justeru ulama dan umara' sayugia dapat memainkan peranan yang penting dalam semua bidang bagi mencapai visi dan misi negara yang baik dan tuhan yang maha pengampun). Dalam kekeluargaan dan kulinari tradisi pula Kewibawaan, Allahyarham seorang bapa dan ketua keluarga yang mempunyai sifat penyayang terhadap anak-anak dan penuh bertanggung-jawab membentuk keluarga dengan mengikuti ajaran Islam yang sebenar seterusnya mampu menjadi pencetus kepada sewajarnya dijadikan contoh ikutan kepada generasi hari ini.

Melihat kepada jasa bakti Allahyarham yang begitu komited kepada ajaran agama Islam dan tidak pernah kenal erti penat lelah perjuangan memartabatkan Islam, maka sewajarnya ditubuhkan "Kerusi Akademik Pehin Datu Seri Utama Dato (Dr.) Haji Ismail Omar Abdul Aziz" yang bertujuan memberi pengiktirafan atas sumbangan dan jasa bakti Allahyarham dalam pembangunan Agama Islam di Negeri Johor Darul Ta'zim dan di Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan mazhab Syafi'e merupakan mazhab anutan majoriti masyarakat Islam di nusantara, maka adalah wajar setiap kajian di peringkat pasca siswazah mengutamakan pengkajian metodologi mazhab Syafi'e itu sendiri supaya dengan adanya metodologi tersebut akan dapat menyatukan umat Islam di nusantara.

Seminar pada hari itu bersetuju untuk mengajukan manifestasi perbincangan seminar termasuk resolusi ini kepada kedua-dua kerajaan negeri Johor Darul Ta'zim dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi asas, dasar dan polisi masing-masing.

TULISAN JAWI KHAZANAH BANGSA, NEGARA BERNILAI TINGGI

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.